

BAB 3

NCWO: LATAR BELAKANG, PERKEMBANGAN DAN PROFIL

3.1 Pendahuluan

NCWO (*National Council of Women's Organisations* = Majlis Kebangsaan Pertubuhan-pertubuhan Wanita) ialah sebuah badan yang berperanan penting dalam mengetengahkan isu-isu wanita/gender di Malaysia. Sebagai sebuah badan yang memayungi sejumlah besar, iaitu kira-kira dua pertiga *NGO* wanita yang aktif di Malaysia,¹ banyak isu gender dari pelbagai perspektif telah dikenalpasti, diartikulasi dan dirumuskan melalui Majlis itu. Selain itu, Majlis tersebut juga terlibat secara aktif di pelbagai peringkat pelaksanaan dasar dan akta yang berkaitan dengan kemajuan-kemajuan wanita di negara ini.

Pendirian dan sifat Majlis itu yang *non-political*, *non-religious*, *non-communal*² dan hanya berfokus kepada isu-isu gender telah membolehkan *NGO-NGO* wanita dari pelbagai latar belakang yang berlainan seperti agama, etnik dan kecenderungan politik, menganggotai badan berkenaan. Kepimpinannya yang rentas politik (terdiri daripada tokoh-tokoh wanita pelbagai pertubuhan, iaitu pertubuhan wanita parti-parti politik dan pertubuhan-pertubuhan wanita bukan politik), telah menjadikan Majlis berkenaan memiliki status dan imej yang representatif terhadap isu-isu yang berkaitan dengan kepentingan dan kebajikan wanita. Faktor keseimbangan etnik dalam pimpinan dan keanggotaan mengukuhkan lagi imej dan sifat demikian. Selain itu, aktiviti-aktivitinya yang konsisten sejak ditubuhkan (1963), sama ada di peringkat nasional maupun antarabangsa menjadikan Majlis itu sangat relevan untuk dikaji.

Bab ini membincangkan latar belakang, perkembangan dan profil *NCWO* berkenaan. Antara aspek-aspek yang diuraikan ialah latar belakang penubuhan, signifikan dan implikasi penubuhan, kepimpinan dan komposisi etnik, keanggotaan, sumber kewangan, *networking* serta peranan, kegiatan dan pencapaian Majlis itu secara umum.

3.2 Latar Belakang Penubuhan

NCWO telah ditubuhkan dan dilancarkan secara rasmi pada 25 Ogos 1963. Latar belakang penubuhan *NCWO* boleh dibahagikan kepada dua tahap, iaitu antara tahun 1960 hingga 1961 dan 1962 hingga 1963. Pada tahap pertama di atas, usaha-usaha bagi menubuhkan *NCWO* itu banyak dilakukan oleh pemimpin-pemimpin tertinggi *Young Women's Christian Association (YWCA)*, terutamanya F.R. Bhupalan. Pada tahap ini, sebuah majlis bagi pertubuhan-pertubuhan wanita telah ditubuhkan. Pada tahap kedua pula, usaha-usaha telah banyak dilakukan oleh pemimpin-pemimpin tertinggi Kaum Ibu *UMNO*, khususnya Fatimah Hashim (Ketua) yang terlibat mengambil inisiatif menggabungkan pertubuhan-pertubuhan wanita parti-parti politik dan pertubuhan-pertubuhan wanita bukan parti-parti politik di bawah satu majlis yang diberi nama *NCWO* itu.

Langkah-langkah ke arah penubuhan sebuah majlis bagi pertubuhan-pertubuhan wanita pada tahap pertama itu telah bermula kira-kira tiga tahun selepas negara mencapai kemerdekaan. Sekitar bulan Ogos 1960, sudah ada ‘cakap-cakap’ di kalangan beberapa orang pemimpin wanita, khususnya di kalangan pemimpin-pemimpin *YWCA* tentang peri perlu menggabungkan pertubuhan-pertubuhan wanita di bawah satu gabungan. Langkah-langkah yang lebih serius dan konkret ke arah penubuhan sebuah majlis bagi pertubuhan-pertubuhan wanita antara lain bermula

dengan cadangan *YWCA* yang dibentangkan oleh Mrs. R. Eliezer, Pengurus Jawatankuasa Hal Ehwal Awam *YWCA* Sesi Ke-3 dalam satu mesyuarat pertubuhan itu yang diadakan pada 15 Oktober 1960. Antara lain, sedutan penting cadangan itu ialah seperti berikut:

.... [It is necessary for] the leaders of the different National Women's Organisations to discuss the feasibility of a Council or Association of the National Women's Organisations in Malaya. Such an organization would not be an arm of the *YWCA* but the *YWCA* would be one of the members...³

Lanjutan daripada ‘cakap-cakap’ di kalangan pemimpin-pemimpin *YWCA* di atas dan ada pula cadangan secara khusus pertubuhan itu yang disampaikan oleh Mrs. Eliezer berkenaan serta beberapa perkembangan lain, langkah-langkah diambil bagi mengadakan pertemuan ke arah penubuhan sebuah majlis bagi pertubuhan-pertubuhan wanita yang dicadangkan itu. Dalam bulan Disember 1960, perwakilan dari lapan pertubuhan wanita bertemu bagi membincangkan pembentukan majlis berkenaan. Pertubuhan-pertubuhan terbabit ialah *Young Women's Christian Association (YWCA)*, *Women's Institute (WI)*, *Women Teachers Union (WTU)*, Lembaga Kebajikan Perempuan Islam (LKPI), Persatuan Pandu Puteri, *Malayan Trained Nurses Association*, *Pan-Pacific South-East Asian Women's Association (PPSEAWA)* dan *Women's International Club*⁴.

Dengan adanya pertemuan dan perbincangan lanjut pertubuhan-pertubuhan di atas, sebuah jawatankuasa protem majlis berkenaan telah dibentuk, yang dipengerusikan oleh F.R. Bhupalan. Anggota-anggota utama lain jawatankuasa tersebut terdiri daripada Agnes Chow (Setiausaha Kehormat), Lakshmi Navaratnam (Bendahari Kehormat), P.G. Lim (Penasihat Undang-undang Kehormat) dan Mary Roth Buchanan (Pakar Runding Kehormat). Antara lain, jawatankuasa itu

dipertanggungjawabkan merangka draf perlembagaan bagi membolehkan langkah-langkah pendaftaran majlis berkenaan secara rasmi dilakukan.

Bagi membincangkan draf perlembagaan di atas, pada 7–12 Ogos 1961, jawatankuasa protem terbabit telah menganjurkan satu bengkel bertajuk “Cabaran Wanita Hari Ini”, dengan disertai kelapan-lapan pertubuhan wanita yang disebutkan sebelum ini. Berikutan bengkel berkenaan, sebuah draf akhir perlembagaan telah dihasilkan. Draf tersebut telah diedarkan kepada semua pertubuhan wanita yang hadir, termasuk kelapan-lapan pertubuhan itu tadi, untuk penelitian, pertimbangan dan seterusnya persetujuan bagi penubuhan majlis berkenaan dan perakuan keanggotaan pertubuhan masing-masing. Secara umumnya, pada peringkat itu (sekitar penghujung Disember 1961), sudah terdapat persetujuan di kalangan beberapa pemimpin pertubuhan wanita untuk menggabungkan pertubuhan-pertubuhan mereka di bawah majlis berkenaan.

Langkah-langkah yang digerakkan oleh pemimpin-pemimpin tertinggi pertubuhan-pertubuhan wanita, khususnya pemimpin *YWCA* bagi menggabungkan pertubuhan-pertubuhan wanita di bawah satu majlis itu secara kebetulan sejajar pula dengan hasrat Kaum Ibu *UMNO* (di awal-awal tahun 1962) di bawah pimpinan Fatimah Hashim. Dalam buku karya bersama Nik Safiah Karim dan Rokiah Talib (2003: 114-115), antara lain ada dinyatakan bahawa hasrat Fatimah Hashim untuk menggabungkan pertubuhan-pertubuhan wanita di Tanah Melayu tergambar dalam satu ucapannya di Pulau Pinang sekembalinya beliau dari lawatan ke beberapa kawasan di Indonesia. Semasa berada di Indonesia, beliau mendapat inspirasi untuk menggabungkan pertubuhan-pertubuhan wanita di Tanah Melayu, setelah memerhatikan corak dan dinamika kegiatan pertubuhan-pertubuhan wanita di Indonesia itu.

Selain inspirasi berkenaan, hasrat Fatimah Hashim untuk mengumpulkan dan menggabungkan pertubuhan-pertubuhan wanita pada ketika itu juga didorong kuat oleh keperluan menganjurkan sambutan Hari Wanita yang pertama (1962) di negara ini. Dengan demikian, usaha-usaha awal F.R. Bhupalan yang merintis penubuhan sebuah majlis bagi menggabungkan pertubuhan-pertubuhan wanita itu dilanjutkan pula oleh Fatimah Hashim.

Seterusnya, bagi maksud mendapatkan sumber tenaga dan idea serta mengadakan kerjasama untuk melicinkan penganjuran Hari Wanita Pertama berkenaan, dalam bulan Mei 1962 Fatimah Hashim dengan kerjasama F.R. Bhupalan telah menjemput pertubuhan-pertubuhan wanita menghadiri satu mesyuarat, yang disusuli dengan penubuhan sebuah Jawatankuasa Sambutan Hari Wanita. Jawatankuasa berkenaan, yang dipengerusikan oleh Fatimah Hashim sendiri, dianggotai oleh 16 pertubuhan wanita termasuk sebahagian besar pertubuhan-pertubuhan yang bercadang menubuhkan majlis yang dibincangkan sebelum ini dan beberapa ‘sayap wanita’ parti-parti politik yang lain seperti Wanita MIC, Dewan Muslimat (PMIP) dan Wanita Rakyat (PSRM).⁵ Penyertaan pelbagai pertubuhan, termasuk pertubuhan wanita parti-parti politik pembangkang di atas, dari satu segi menunjukkan kejayaan Fatimah Hashim dan F.R. Bhupalan menyatukan pelbagai pertubuhan wanita yang rentas politik, di bawah satu gabungan.

Dengan adanya kerjasama pertubuhan-pertubuhan wanita daripada pelbagai latar belakang dan kecenderungan politik di atas, sambutan Hari Wanita yang pertama telah berjaya dianjurkan pada 25 Ogos 1962, dengan penyertaan yang cukup menyeluruh dan representatif. Pengalaman bekerjasama dalam menjayakan sambutan Hari Wanita berkenaan telah memperkuat hasrat Fatimah Hashim dan F.R. Bhupalan untuk menggabungkan semua pertubuhan wanita yang ada di bawah satu gabungan

yang lebih besar. Langkah ini juga didorong oleh kesedaran bahawa dengan adanya satu gabungan yang besar dan mantap akan memungkinkan isu-isu kemajuan wanita di negara ini diketengahkan dengan lebih berkesan.

Bagi menuju sebuah gabungan yang lebih besar itu, Fatimah Hashim dan F.R. Bhupalan telah mengambil inisiatif menghubungi seberapa ramai pemimpin pertubuhan wanita yang ada pada ketika itu untuk menyusun langkah-langkah yang perlu diambil selanjutnya. Antara lain, persetujuan telah dicapai untuk menuju NCWO dengan memanfaatkan perlembagaan majlis bagi pertubuhan-pertubuhan wanita sebelum ini, dengan sedikit pindaan kepada Artikel 4 perlembagaan berkenaan. Dengan pindaan Artikel 4 tersebut pada Mac 1963, semua pertubuhan wanita, sama ada parti-parti politik maupun bukan politik, boleh dan layak menganggotai majlis tersebut.

Serentak dengan itu juga, sebuah jawatankuasa khas ditubuhkan, yang antara lain dipertanggungjawabkan merealisasikan penubuhan NCWO dan menganjur sambutan Hari Wanita kali yang kedua (pada 25 Ogos 1963). Jawatankuasa khas itu terdiri daripada pemimpin-pemimpin yang mewakili pertubuhan-pertubuhan wanita berikut: *WI, WTU, St. Johns's Ambulance Brigade, University Women's Association, Selangor Indian Association Women's Section, PPSEAWA, YWCA, Lai Chee Women's Association, Women's International Club*, Kaum Ibu UMNO, Wanita MCA dan Wanita MIC. Semasa sambutan Hari Wanita yang kedua itulah NCWO telah ditubuhkan dan dilancarkan secara rasmi, dengan dipimpin oleh Kamsiah bte Abdul Majid, yang lebih popular dengan nama Kamsiah Ibrahim (Presiden WI).


Anggota Majlis yang ditubuhkan ini terdiri daripada anggota-anggota yang dipilih melalui proses pengundian dan juga anggota-anggota yang terpilih secara automatik.⁶ Anggota-anggota yang dipilih melalui proses pengundian itu ialah anggota-anggota yang memegang jawatan Presiden (1 orang) Naib Presiden (3 orang), Setiausaha Agung Kehormat (1 orang), Penolong Setiausaha Agung Kehormat (2 orang), Bendahari Kehormat (1 orang) dan Penolong Bendahari Kehormat (1 orang). Secara grafik, struktur organisasi *NCWO* yang baru ditubuhkan itu ditunjukkan melalui Rajah 3.1.

Selain jawatan Presiden yang dipegang oleh Kamsiah Ibrahim jawatan-jawatan yang lain dalam Sesi Pertama Majlis tersebut (1963-1965) telah dipegang oleh pemimpin-pemimpin dan aktivis-aktivis yang berikut:

Naib Presiden	: Fatimah Hashim
	: V. T. Sambanthan
	: Daisy Leong
Setiausaha Agung Kehormat	: F. R. Bhupalan
Penolong Setiausaha Agung Kehormat	: Fatimah Hamid Don
	: P. J. Verghese
Bendahari Kehormat	: Goh Kwee Teng
Penolong Bendahari Kehormat	: S. K. Ngei

(Senarai pemimpin Majlis itu bagi sesi-sesi berikutnya terkandung dalam Apendiks B)

Rajah 3.1
Struktur Organisasi NCWO Sesi Pertama, 1963-1965



Sumber: Ubahsuai daripada NCWO (1963) *Laporan Kegiatan-kegiatan dan Kejayaan NCWO, 1961-1963*, Kuala Lumpur: Majlis Kebangsaan Pertubuhan-pertubuhan Wanita Malaysia (NCWO).

Daripada perbincangan-perbincangan di atas, dapat dirumuskan bahawa dua tokoh wanita, iaitu F.R. Bhupalan dan Fatimah Hashim telah memainkan peranan utama ke arah penubuhan rasmi NCWO. Dalam tahap pertama, iaitu antara tahun 1960 hingga 1961, langkah-langkah ke arah penubuhan sebuah majlis bagi pertubuhan-pertubuhan wanita (prototaip NCWO) terhasil berkat usaha-usaha yang dilakukan oleh F.R. Bhupalan, manakala dalam tahap kedua, iaitu antara tahun 1962 hingga 1963, peranan dan berkat usaha Fatimah Hashim di pelbagai peringkat, telah pula menyumbang kepada penubuhan dan pelancaran NCWO secara rasmi.⁷

3.3 Signifikan dan Implikasi Penubuhan *NCWO*

Sesudah pelbagai langkah diusahakan (beberapa tahun selepas merdeka) ke arah penubuhan sebuah majlis yang menggabungkan organisasi-organisasi wanita, akhirnya dalam bulan Ogos 1963, *NCWO* ditubuhkan. Penubuhan *NCWO* itu merupakan satu perkembangan yang signifikan dan memberikan implikasi yang luas terhadap isu dan kegiatan meningkatkan status dan menjaga kebijakan wanita di negara ini. Dengan tertubuhnya *NCWO*, pelbagai sumber baharu diperoleh hasil penyertaan lebih ramai wanita ke dalam Majlis berkenaan. Implikasinya, isu-isu yang diketengahkan semakin terfokus dan kegiatan-kegiatan yang dianjurkan menjadi semakin terancang.

Penyertaan lebih ramai aktivis wanita ke dalam sebuah majlis telah menyatu dan meningkatkan pelbagai sumber baharu seperti idea, pengalaman, pengetahuan, kepakaran dan jaringan kerja. Secara amnya, sebelum penubuhan *NCWO*, usaha-usaha aktivis-aktivis wanita dalam meningkatkan status dan menjaga kebijakan wanita lebih bersifat individu dan persendirian. Penyertaan mereka ke dalam sebuah majlis telah membolehkan usaha-usaha secara kolektif dikendalikan, dengan memanfaatkan sumber-sumber yang dinyatakan itu tadi. Daripada pengalaman, pengetahuan, kepakaran dan jaringan kerja yang semakin meningkat dan semakin ‘disinergikan’ (*synergized*) dalam Majlis itu, langkah-langkah yang lebih sistematik dan teratur bagi mengenalpasti isu-isu, mengetengah dan merumuskannya dapat dilakukan dengan lebih berkesan.

Selain penyertaan lebih ramai aktivis wanita, termaktubnya kegiatan-kegiatan yang hendak dianjurkan di dalam Perlembagaan Majlis berkenaan telah juga membantu menjadikan kegiatan-kegiatan yang dianjurkan itu semakin terfokus dan terancang. Ini kerana, dengan adanya catatan bertulis secara ‘hitam putih’ sebagaimana yang terdapat dalam Perlembagaan *NCWO* tentang kegiatan-kegiatan

yang hendak dianjurkan, matlamat dan hala tuju Majlis berkenaan dapat difahami dengan jelas dan dihayati dengan mendalam. Dalam Artikel 3 Perlembagaan *NCWO* misalnya ada disenaraikan 11 kegiatan yang akan dikendalikan oleh Majlis berkenaan dari semasa ke semasa. Antara lain, kegiatan-kegiatan yang utama ialah memantau dan menganjurkan sambutan Hari Wanita setiap tahun, mengkaji undang-undang yang memberi kesan terhadap wanita dan kanak-kanak dan mengetengahkan kepada pihak-pihak yang berautoriti hasil-hasil penemuan persidangan dan penyelidikan Majlis berkenaan.⁸

Seperkara lain signifikan dan implikasi penubuhan *NCWO* itu ialah tersatunya suara-suara wanita dalam mengetengahkan isu-isu wanita kepada masyarakat dan Kerajaan. Sebelum penubuhan *NCWO*, kegiatan-kegiatan kesukarelaan pertubuhan-pertubuhan wanita di negara ini cenderung dikendalikan mengikut kepentingan etnik dan agama tertentu. Selain itu, kurang pula kerjasama diadakan antara sayap wanita parti-parti politik dengan pertubuhan-pertubuhan wanita yang lain. Keadaan ini dari satu segi menjadikan suara-suara wanita tidak tersatu, yang sekaligus menjadikan isu-isu yang diketengahkan dan kegiatan-kegiatan yang dianjurkan cenderung tertumpu kepada kepentingan-kepentingan wanita mengikut etnik dan agama tertentu sahaja.

Berikutan tertubuhnya *NCWO* dan dengan keanggotaan pertubuhan-pertubuhan wanita dari pelbagai latar belakang, Majlis berkenaan dapat menjadi saluran utama bagi mengartikulasikan isu-isu wanita yang rentas etnik, agama dan kecenderungan politik. Pendirian *non-political*, *non-religious* dan *non-communal* telah menjadikan Majlis tersebut berpotensi menarik lebih banyak keanggotaan pertubuhan-pertubuhan wanita dari pelbagai latar belakang. Lazimnya, dengan tersatunya suara-suara wanita melalui sebuah majlis yang besar seumpama *NCWO* itu, tuntutan-tuntutan yang disuarakan akan lebih mudah mendapat perhatian dan

sokongan Kerajaan dan masyarakat keseluruhan berbanding dengan tindakan-tindakan secara individu dan persendirian.

Selanjutnya, dengan tertubuhnya *NCWO* itu, isu-isu yang diketengahkan dan kegiatan-kegiatan yang dianjurkan oleh ahli gabungan Majlis berkenaan juga menjadi semakin jelas dan terarah. Ini kerana, antara lain Majlis berkenaan berfungsi memberi khidmat nasihat dan rundingan kepada ahli-ahli gabungannya mengenai kegiatan-kegiatan yang sesuai dikendalikan. Khidmat ini didatangkan daripada ahli-ahli Majlis yang pakar dalam bidang-bidang tertentu dan juga daripada pihak-pihak yang lain seperti pusat-pusat pengajian tinggi, agensi-agensi Kerajaan, sektor swasta dan sektor-sektor yang lain, baik di dalam maupun di luar negeri. Dengan adanya khidmat berkenaan, isu-isu yang diketengahkan dan kegiatan-kegiatan yang dianjurkan oleh ahli-ahli gabungan Majlis berkenaan bukan sahaja menjadi semakin jelas dan terarah tetapi juga dapat disesuaikan dengan keperluan semasa di peringkat nasional dan antarabangsa.

Ditinjau dari segi isu-isu yang diketengahkan, kegiatan-kegiatan yang dianjurkan, keanggotaan yang rentas latar belakang dan beberapa yang lain, Majlis berkenaan mempunyai pelbagai potensi mendapatkan sumber-sumber luaran untuk mengembangkan peranan dan fungsinya bagi meningkatkan status dan menjaga kebijakan wanita di negara ini, lebih-lebih lagi kegiatan-kegiatan yang dianjurkan itu dilakukan secara sukarela. Sumber-sumber yang dimaksudkan itu termasuklah biaya kewangan, pengiktirafan di peringkat nasional dan antarabangsa dan jaringan kerja yang lebih besar. Selain sumber-sumber yang dibincangkan sebelum ini, sumber-sumber luaran *NCWO* itu juga penting bagi meneruskan peranan dan fungsi Majlis berkenaan untuk meningkatkan status dan menjaga kebijakan wanita.

3.4 Kepimpinan dan Komposisi Etnik

Satu perkara yang patut diberi perhatian mengenai kepimpinan tertinggi *NCWO* ialah perkiraan-perkiraan politik dan *ethnicity* dalam menentukan komposisi kepimpinannya. Selain perkiraan-perkiraan di atas, sebagaimana lazimnya terdapat dalam organisasi-organisasi lain, kepakaran dan pengalaman juga menjadi perkiraan dalam pengisian jawatan-jawatan tertinggi *NCWO* berkenaan.

Dari segi perkiraan politik, didapati kecuali Presiden pertama (yang hanya memegang jawatan selama satu penggal), presiden-presiden berikutnya terdiri daripada tokoh-tokoh parti politik pemerintah, iaitu Fatimah Hashim (Penggal Ke-2 hingga Ke-12) dan Zaleha Ismail (Penggal Ke-13 hingga Ke-18). Pada peringkat awal penubuhan *NCWO*, pengaruh pertubuhan bukan politik tertonjol dengan pemilihan Kamsiah Ibrahim (Presiden *WI*) sebagai Presiden *NCWO* yang pertama. Pemilihan Kamsiah Ibrahim ini sesuai dengan keinginan beberapa anggota *NCWO*, terutamanya pertubuhan-pertubuhan bukan politik, supaya jawatan Presiden itu tidak disandang oleh tokoh-tokoh sayap wanita parti-parti politik.⁹ Desakan ini dibuat sebahagiannya bagi mengekalkan pendirian *non-political* *NCWO* berkenaan.¹⁰

Walau bagaimanapun, tanggapan bahawa pemilihan tokoh-tokoh wanita daripada sayap wanita parti-parti politik akan menjadikan Majlis itu bersifat kepartian dan cenderung kepada perkauman tidak bertahan lama dalam *NCWO*. Ini sebahagiannya kerana ada pemimpin-pemimpin sayap wanita parti-parti politik yang komited terhadap isu-isu wanita dan dipercayai boleh bersifat *neutral* daripada pengaruh politik kepartian dan perkauman berkenaan. Antara pemimpin yang dimaksudkan itu ialah Ketua Kaum Ibu *UMNO* sendiri, iaitu Fatimah Hashim. Kewibawaan dan ketokohan beliau dalam mengetengahkan isu-isu wanita di samping popularitinya di kalangan kaum wanita pada ketika itu telah menyumbang kepada

pemilihan beliau sebagai Presiden Majlis berkenaan pada pemilihan Penggal Kedua (1965-1967) Majlis tersebut, menggantikan Kamsiah Ibrahim.¹¹ Fatimah terus memegang jawatan Presiden itu sehingga Penggal Ke-12 (1987-1989).

NCWO terus dipimpin oleh tokoh sayap wanita parti politik pemerintah dengan pemilihan Zaleha Ismail sebagai Presiden, mulai Penggal Ke-13 (1989-1991) hingga Ke-18 (2000-2002). Ini menunjukkan bahawa sepanjang 39 tahun kewujudan Majlis itu (18 penggal), selama 37 tahun Majlis berkenaan dipimpin oleh tokoh wanita yang aktif dalam parti politik pemerintah. Dengan pemilihan tokoh wanita parti politik pemerintah berkenaan, kerjasama dan persefahaman antara *NGO* wanita dengan Kerajaan dapat ditingkatkan dan menjadi lebih terjamin. Selain faktor politik (tokoh-tokoh parti pemerintah), faktor kemelayuan juga dari satu segi menjadi perkiraan dalam pemilihan jawatan Presiden *NCWO* berkenaan. Malah dapat dikatakan pemilihan Presiden pertamanya, Kamsiah Ibrahim itu juga sebahagiannya didasarkan atas perkiraan kemelayuan itu.

Sungguhpun satu jawatan tertinggi berkenaan dipegang oleh wanita-wanita Melayu, keseimbangan wakil mengikut etnik dalam memegang tiga jawatan Naib Presiden¹² Majlis itu dicapai berdasarkan kepentingan tiga etnik utama – Melayu, Cina dan India. Aspek perkauman dalam komposisi kepimpinan ini bolehlah ditafsirkan sebagai satu usaha untuk memastikan pertubuhan ini benar-benar bersifat antara etnik dan sekaligus juga memastikan bahawa semua etnik turut diwakili di dalamnya. Secara amnya, keseimbangan etnik dalam memegang tiga jawatan Naib Presiden kekal mulai Penggal Pertama Majlis itu, hingga Penggal yang Ke-18. Ini menunjukkan terdapat ‘*general concensus*’ tentang peri perlu memilih Naib-naib Presiden *NCWO* itu mengikut perkiraan-perkiraan etnik.

Walaupun tidak terdapat peruntukan khas tentang peri pemilihan jawatan Naib Presiden berkenaan dilakukan mengikut perkiraan etnik, namun ‘*general concensus*’ itu telah menjadi tradisi dan amalan dalam Majlis tersebut. Malah, daripada temu-temu bual yang diadakan dengan pemimpin-pemimpin tertinggi NCWO, ‘*general concensus*’ itu telah menjadi kesefahaman bersama semenjak Penggal Pertama Majlis itu lagi.¹³ Walaupun pertimbangan-pertimbangan *ethnicity* diambil kira dalam menentukan komposisi kepimpinan Majlis berkenaan tetapi pada keseluruhannya isu-isu yang diperjuangkan masih lagi rentas etnik.

Selain perkiraan etnik, perkiraan politik juga secara langsung atau tidak langsung mendasari pemilihan Naib Presiden Majlis berkenaan. Ini dapat digambarkan dengan ramainya pemimpin wanita parti-parti politik pemerintah yang pernah memegang jawatan tersebut. Pemimpin-pemimpin wanita yang dimaksudkan itu ialah Aishah Ghani, Zaleha Ismail dan Rafidah Aziz (*UMNO*); Rosemarie Chong, Teng Gaik Kwan dan Ng Yen Yen (*MCA*); Khee Phaik Cheen (*Gerakan*); dan Uma Sambanthan (*MIC*).

Selain berfungsi mewakili kepentingan etnik dan politik, penglibatan tokoh-tokoh wanita parti-parti politik pemerintah di atas telah sekaligus membantu mempercepat proses pengetenganan dan perumusan isu-isu wanita di Malaysia. Lebih-lebih lagi, jawatan bertaraf menteri yang disandang oleh dua Presiden NCWO, iaitu Fatimah Hashim (Menteri Kebajikan Am, 1969-1973) dan Zaleha Ismail (Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, 1995-1999), telah meningkatkan keberkesanan usaha mengetengah dan merumus isu-isu wanita itu. Kedua-dua Kementerian tersebut secara langsung dan tidak langsung bertanggungjawab terhadap hal ehwal wanita di negara ini.

Selain perkiraan politik dan *ethnicity* sebagaimana yang disebut di awal tadi, kepakaran dan pengalaman seseorang tokoh juga menjadi perkiraan dalam pemilihan ke jawatan-jawatan tertinggi *NCWO* itu. Dengan adanya kepakaran tokoh-tokoh tertentu dalam sesuatu bidang seperti perundang-undangan, pendidikan, perubatan dan lain-lain, langkah-langkah pengenalpastian isu-isu wanita yang lebih sistematik dan saintifik dapat dilakukan. Sumbangan sedemikian sekaligus telah menjadikan pandangan-pandangan yang diketengahkan *NCWO* lebih berautoriti dan sekaligus mudah mendapat perhatian Kerajaan dan pihak-pihak yang berkaitan. Berdasarkan sumbangan ini, perkiraan kepakaran juga mempengaruhi pemilihan tokoh-tokoh wanita dalam memegang jawatan Naib Presiden/Timbalan Presiden berkenaan, misalnya Fatimah Hamid Don (pendidikan) dan Sharifah Hapsah Syed Hasan Shahabuddin (perubatan).

Selanjutnya, pengalaman tokoh-tokoh tertentu yang terserlah dalam kegiatan-kegiatan kesukarelaan juga menjadi perkiraan dalam pemilihan ke jawatan-jawatan Naib Presiden berkenaan. Pengalaman sedemikian telah membolehkan tokoh-tokoh berkenaan ‘masak’ dengan selok belok dan *modus operandi* yang sesuai bagi mengendalikan kegiatan-kegiatan kesukarelaan. Antara tokoh-tokoh wanita berpengalaman yang dimaksudkan dan pernah menjadi Naib Presiden *NCWO* termasuklah F.R. Bhupalan (*YWCA*), Tunku Azizah Mohammed (*WI*), Daisy Leong (*Selangor Chinese Women Li Chee*) dan Pauline Chen Fah Shin (*YWCA*).

Ada di kalangan mereka telah berkecimpung dalam aktiviti-aktiviti kesukarelaan dalam tempoh yang agak panjang, misalnya F.R. Bhupalan (penggerak kepada pembentukan majlis bagi pertubuhan-pertubuhan wanita (1960) yang dibincangkan sebelum ini). Selain telah lama aktif dalam *YWCA*, lantang mengetengahkan isu-isu ketidakadilan terhadap guru-guru wanita melalui *WTU* dan

aktif dalam pertubuhan-pertubuhan sukarela yang lain, beliau telah memegang jawatan Setiausaha Agung Kehormat *NCWO* selama empat penggal (Penggal Pertama hingga Ke-4) sebelum dipilih sebagai Naib Presiden (Penggal Ke-5 hingga Ke-7 dan Penggal Ke-10 hingga Ke-16) dan Timbalan Presiden (Penggal Ke-17) kemudiannya.

Selanjutnya, empat jawatan utama yang menggerakkan kegiatan-kegiatan Majlis berkenaan, terutamanya Setiausaha Agung Kehormat dan jawatan-jawatan lainnya, iaitu Penolong Setiausaha Agung Kehormat, Bendahari Kehormat dan Penolong Bendahari Kehormat, pada keseluruhannya juga dijawat oleh tokoh-tokoh wanita yang berpengalaman dalam aktiviti kesukarelaan. Perkiraan pengalaman sememangnya wajar menjadi faktor pemilihan ke jawatan-jawatan berkenaan kerana pengendalian kerja-kerja di peringkat tersebut memerlukan pengetahuan tentang selok-belok dan *modus operandi* yang sesuai, bagi memastikan pelaksanaan dan perlaksanaan kegiatan-kegiatan yang dikendalikan.

Daripada perbincangan di atas, dapat dirumuskan bahawa perkiraan-perkiraan politik, etnik, kepakaran dan pengalaman yang dibuat dalam memilih tokoh-tokoh wanita ke jawatan-jawatan utama *NCWO* sememangnya penting dalam memastikan isu-isu wanita yang diketengahkan mendapat perhatian Kerajaan dan masyarakat. Dengan adanya perkiraan-perkiraan seumpama itu, bukan sahaja usaha-usaha pengenalpastian isu dapat dilakukan dengan lebih sistematik, bahkan langkah-langkah pengetengahan, perumusan dan pengambilan keputusan mengenai isu-isu wanita berkenaan dapat dilakukan dengan lebih berkesan. Perkiraan-perkiraan yang dibuat itu juga secara tidak langsung telah memberi pengiktirafan kepada *NCWO* sebagai sebuah Majlis yang representatif untuk menjaga kepentingan wanita dari pelbagai latar belakang etnik, agama dan budaya serta kecenderungan-kecenderungan politik tertentu.

3.5 Keanggotaan

Sepanjang 37 tahun kewujudannya, jumlah ahli gabungan *NCWO* telah meningkat secara signifikan, iaitu daripada hanya 12 pertubuhan pada Penggal 1 (1963-1965) kepada 90 pertubuhan pada Penggal Ke-17 (1998-2000). Peningkatan keanggotaan *NCWO* ini secara umum dapat dikatakan sejajar dengan semakin meningkatnya pendedahan terhadap masalah-masalah yang dihadapi oleh wanita melalui pelbagai cara, yang sekaligus meningkatkan keinginan untuk bersatu.

Faktor-faktor seperti kewibawaan kepimpinan, sokongan Kerajaan dan sumber kewangan daripada pihak-pihak tertentu serta pendirian *non-political*, *non-religious* dan *non-communal* sebagaimana yang dimaktubkan dalam Perlembagaan *NCWO* telah membolehkan Majlis itu menarik sebanyak mungkin keanggotaan *NGO* wanita dari pelbagai latar belakang (agama, etnik, budaya dan kecenderungan politik tertentu).

Sebagaimana yang dibincangkan sebelum ini, *NCWO* yang penubuhan rasminya dilancarkan dalam tahun 1963 telah bermula dengan penubuhan sebuah majlis bagi pertubuhan-pertubuhan wanita dalam tahun 1960 lagi. Majlis itu pada ketika itu secara amnya dianggotai oleh lapan pertubuhan wanita (senarai lapan pertubuhan awal berkenaan terdapat dalam bahagian 3.2 bab ini).

Semasa sambutan Hari Wanita pertama pada 25 Ogos 1962, kira-kira 16 pertubuhan wanita bersetuju mengadakan kerjasama dan menggabungkan tenaga serta fikiran untuk memajukan golongan wanita di negara ini. Pada ketika itu, terjalin kerjasama antara pertubuhan-pertubuhan bukan politik dengan beberapa sayap wanita parti-parti politik pemerintah dan pembangkang. Pengalaman bekerjasama dalam menyelenggarakan sambutan Hari Wanita pertama itu telah mencetuskan gagasan baharu di kalangan wanita untuk menginstitusikan kerjasama sedemikian dalam bentuk yang lebih kekal.

Namun begitu, apabila idea itu hendak dilaksanakan, dua sayap wanita parti pembangkang, iaitu Dewan Muslimat (PAS) dan Wanita Rakyat (PSRM) memperlihatkan keengganan untuk turut serta kerana bimbang badan itu akan hanya menjadi alat politik Kerajaan, walaupun sebelum itu sayap-sayap wanita tersebut telah menjalin kerjasama menyelenggarakan sambutan Hari Wanita pertama dan juga terlibat pada peringkat awal langkah-langkah ke arah penubuhan *NCWO*. Keengganan menyertai *NCWO* tersebut dibuat berdasarkan telahan bahawa dalam mengetengahkan isu-isu wanita di negara ini, *NCWO* tidak mungkin bebas daripada kehendak dan campur tangan politik pemerintah.¹⁴

Dengan keengganan Dewan Muslimat (PAS) dan Wanita Rakyat (PSRM) menganggotai Majlis itu, apabila *NCWO* akhirnya terbentuk, sayap-sayap wanita parti politik yang menganggotainya terbatas hanya kepada sayap wanita *UMNO*, *MCA* dan *MIC* sahaja. Sungguhpun begitu, apabila Majlis itu memasuki Penggal Ke-10 (1983-1985), sayap wanita *UMNO* pula menarik diri daripada terus menganggotai Majlis berkenaan. Keputusan Wanita *UMNO* untuk tidak terus menganggotai *NCWO* itu sebahagiannya berpunca daripada masalah perselisihan pandangan di kalangan pemimpin tertinggi *NCWO* dalam beberapa isu, terutamanya isu persamaan hak dan taraf antara ‘anak haram’ (*illegitimate child*) dengan anak-anak yang lain (anak-anak yang lahir dalam perkahwinan yang sah).¹⁵ Secara khusus, pandangan Wanita *UMNO* berkenaan dinyatakan seperti yang berikut:

... Adalah didapati bahawa terdapat percanggahan dalam beberapa perkara yang diperjuangkan oleh *NCWO* dengan pendirian Pergerakan Wanita *UMNO* Malaysia sebagai pertubuhan politik, termasuk isu-isu mengenai hukum-hukum Agama Islam seperti pandangan *NCWO* terhadap pengiktirafan rasmi bagi anak-anak haram (*illegitimate child*)...¹⁶

Mulai awal tahun-tahun 1980-an (era semakin meningkatnya kesedaran gender), isu persamaan hak dan taraf antara anak ketaksahtarafan dengan anak-anak yang lain semakin mendapat perhatian. Dalam isu ini, beberapa pemimpin tertinggi NCWO mahukan taraf dan hak yang sama diberikan kepada anak ketaksahtarafan sebagaimana yang diberikan kepada anak-anak yang lain.¹⁷ Tetapi, sayap wanita UMNO tidak dapat menerima pandangan yang sedemikian atas alasan pengiktirafan seumpama itu secara langsung atau tidak langsung juga memberi pengiktirafan kepada perlakuan-perlakuan bersekedudukan.¹⁸

Penarikan diri Wanita UMNO mulai Penggal Ke-10 itu juga telah diikuti oleh Wanita MCA dalam penggal yang sama. Walaupun secara rasminya dinyatakan bahawa sebab penarikan diri Wanita MCA itu ialah keperluan menumpukan perhatian kepada kerja-kerja parti justeru semakin berkembangnya organisasi parti itu, namun tindakan penarikan diri Wanita MCA itu dapatlah ditafsirkan sebagai menunjukkan semangat kesetiakawanan dalam Barisan Nasional.¹⁹ (maklumat lanjut terkandung dalam Apendiks D dan E)

Walau bagaimanapun, di sebalik penarikan diri Wanita UMNO dan MCA itu, keanggotaan sayap wanita parti-parti politik dalam NCWO semakin bertambah dengan penyertaan beberapa sayap wanita parti-parti politik yang lain seperti Gerakan (mulai Penggal Ke-10), DAP (mulai Penggal Ke-14), Sarawak National Party (SNAP) (mulai Penggal Ke-17) dan People's Progressive Party Malaysia (PPP) (juga mulai Penggal Ke-17). Dalam perkembangan yang sama, sesudah tiga penggal tidak menyertai NCWO, Wanita MCA kembali menganggotai Majlis berkenaan pada Penggal Ke-14 (1991-1993). Sikap baharu Wanita MCA itu sebahagiannya kerana adanya beberapa usaha pemimpin-pemimpin NCWO untuk mendorong kemasukan semula MCA ke

dalam *NCWO*, yang secara kebetulan bertepatan pula dengan perubahan pandangan di kalangan pemimpin-pemimpin Wanita *MCA* pada ketika itu.

Walaupun penyertaan sayap wanita parti-parti politik itu boleh dianggap sebagai satu kredibiliti tambahan kepada *NCWO* tetapi kekuatan utama gabungan itu bersandar kepada penyertaan *NGO-NGO* wanita bukan politik. Jadual 3.1 menunjukkan peningkatan keanggotaan sayap wanita parti-parti politik dan pertubuhan-pertubuhan wanita bukan politik dalam *NCWO* mulai penggal Pertama hingga Ke-17.

Sebagaimana yang ditunjukkan dalam Jadual 3.1 itu, keanggotaan *NCWO* ‘turun naik’ pada peringkat awal penubuhannya. Walaupun begitu, keanggotaan Majlis itu mula meningkat secara konsisten mulai Penggal Ke-5 (1972-1974), iaitu daripada 13 pertubuhan dalam penggal berkenaan kepada 90 pertubuhan dalam tahun 2000 (senarai 90 pertubuhan berkenaan terkandung dalam Apendiks F).

Secara am, pertubuhan-pertubuhan wanita bukan politik dalam *NCWO* boleh dibahagikan kepada empat kategori, iaitu kebajikan, agama, profesional dan lain-lain.²⁰ Secara ringkas, peningkatan keanggotaan pertubuhan-pertubuhan wanita mengikut empat kategori tersebut dalam tempoh dua dekad yang lalu ditunjukkan dalam Jadual 3.2.

Jadual 3.1

**Jumlah Pertubuhan-pertubuhan Wanita Parti-parti Politik dan Bukan Politik yang Menganggotai NCWO,
mulai Penggal Pertama (1963-1965) hingga Penggal Ke-17 (1998-2000)**

Penggal (Tahun)	Pertubuhan Bukan Politik	Pertubuhan Politik	Jumlah
Pertama (1963-1965)	9	3	12
Ke-2 (1965-1967)	t.d.	t.d.	t.d.
Ke-3 (1967-1969)	8	3	11
Ke-4 (1969-1971)	t.d.	t.d.	t.d.
Ke-5 (1972-1974)	10	3	13
Ke-6 (1974-1976)	12	3	15
Ke-7 (1976-1979)	18	3	21
Ke-8 (1979-1981)	21	3	24
Ke-9 (1981-1983)	25	3	28
Ke-10 (1983-1985)	31	2	33
Ke-11 (1985-1987)	38	2	40
Ke-12 (1987-1989)	43	2	45
Ke-13 (1989-1991)	48	2	50
Ke-14 (1991-1993)	58	4	62
Ke-15 (1993-1995)	71	5	76
Ke-16 (1996-1998)	80	5	85
Ke-17 (1998-2000)	84	6	90

Nota: Data bagi Penggal Ke-2 dan Ke-4 tidak diperolehi (ditanda dengan 't.d.')

Sumber: Kompilasi Laporan Aktiviti dan Kejayaan NCWO, mulai Penggal Pertama (1963-1965) hingga Penggal Ke-17 (1998-2000).

Jadual 3.2

Peningkatan Keanggotaan Pertubuhan-pertubuhan Wanita Bukan Politik dalam NCWO (Mengikut Empat Kategori Umum) dalam Tempoh Dua Dekad

Tahun (Penggal)	Kategori Umum				Jumlah
	Kebajikan	Agama	Profesional	Lain-lain ^{*)}	
1979-1981 (Ke-8)	9	3	3	6	21
1989-1991 (Ke-13)	22	7	7	12	48
1998-2000 (Ke-17)	36	14	15	19	84

Sumber: Kompilasi Laporan Aktiviti dan Kejayaan NCWO, Penggal Ke-8 (1979-1981), Ke-13 (1989-1991) dan Ke-17 (1998-2000).

Daripada kategori-kategori umum berkenaan, keanggotaan NCWO dalam kategori kebajikan merupakan yang terbanyak, iaitu 36 daripada 90 pertubuhan yang menganggotai Majlis itu (40%) dalam Penggal Ke-17 (1998-2000). Ini menggambarkan bahawa sebahagian besar NGO wanita yang berminat menganggotai Majlis berkenaan terdiri daripada pertubuhan-pertubuhan yang mengelolakan kegiatan-kegiatan kebajikan. Contoh-contoh NGO kategori kebajikan yang aktif ialah *Women's Aid Organisation (WAO)*, Persatuan Tindakan Wanita Islam (PERTIWI), *Selangor Chinese Women Lai Chee*, *Malaysian Trade Union Congress (MTUC)*, *Congress of Union of Employees in the Public and Civil Service (CUEPACS)* dan *Women Crisis Centre (WCC)*.

^{*)} Ahli-ahli NCWO dalam kategori lain-lain ini ialah pertubuhan bekas pelajar, sosial, sukan, wanita universiti dan pertubuhan wanita/agensi kerajaan. Antara contoh pertubuhan-pertubuhan wanita dalam beberapa kategori ini ialah *Kuala Lumpur Speaker's Club*, *Women International Club*, *Women's Association of Kuala Lumpur National Electricity Board (PELITAWANIS)*, Persekutuan Persatuan-persatuan Perancang Keluarga Malaysia dan Yayasan Sukan dan Kecergasan Wanita Malaysia.

Keanggotaan *NGO* wanita kategori agama dan profesional dalam *NCWO* tidak banyak beza dari segi jumlahnya, misalnya 14 dan 15 dalam masing-masing kategori, pada Penggal Ke-17 (1998-2000). Ahli gabungan *NCWO* kategori agama terdiri daripada pertubuhan-pertubuhan wanita yang mewakili kepentingan wanita dari pelbagai agama. Contoh-contoh ahli gabungan *NCWO* dalam kategori agama berkenaan ialah *Buddhist Missionary Society (Ladies Section)*, *Bahai Women's Committee*, *Malaysia Sikh Youth Association (Women Section)*, *Catholic Women's League of Malaysia* dan Bahagian Wanita Persatuan Jamaah Islah Malaysia (JIM). Dengan kesediaan pertubuhan-pertubuhan wanita dari pelbagai agama mengetepikan perbezaan-perbezaan agama dan menyatukan diri dalam satu ‘organisasi payung’, kerjasama yang lebih erat di kalangan pemimpin wanita pelbagai agama bagi memajukan wanita dapat dilakukan.

Selanjutnya pula, ahli-ahli *NCWO* kategori profesional ialah pertubuhan-pertubuhan wanita yang memberi perkhidmatan rundingan dan nasihat dalam pelbagai bidang, seperti guaman, perubatan, perguruan, kejururawatan dan lain-lain. Umumnya, autoriti dan kepakaran pemimpin pertubuhan-pertubuhan ini dalam bidang-bidang tertentu itu telah banyak menyumbang kepada usaha-usaha pengidentifikasi dan pengungkapan pelbagai isu wanita. Beberapa contoh pertubuhan dalam kategori profesional itu ialah *Association of Women Lawyers (AWL)*, *Southeast Asian Association for Gender Studies (SAMA)*, Persatuan Setiausaha-setiausaha Malaysia, Persatuan Wartawan Wanita Malaysia, Persatuan Guru-guru Lepasan Maktab Perguruan Perempuan Melayu Melaka dan Persatuan Jururawat-jururawat Malaysia.

Daripada perbincangan-perbincangan di atas, dapat dirumuskan bahawa walaupun pertubuhan-pertubuhan wanita bukan politik seperti pertubuhan-pertubuhan kategori kebijakan dan profesional merupakan tulang belakang yang menggerakkan aktiviti-aktiviti utama *NCWO*, namun dengan adanya keanggotaan sayap wanita parti-parti politik, kredibiliti Majlis berkenaan semakin tinggi. Selanjutnya, adanya keanggotaan pertubuhan-pertubuhan wanita dari pelbagai latar belakang itu pula menunjukkan keyakinan di kalangan aktivis-aktivis wanita bahawa usaha-usaha untuk meningkatkan status dan menjaga kebijakan wanita akan lebih bermakna dan berkesan jika disalurkan melalui jalinan dan jaringan kerja serta penggabungan tenaga dalam bentuk sebuah Majlis seperti *NCWO* yang rentas politik dan agama itu.

3.6 Kewangan

Sebagaimana badan-badan sukarela yang lain, untuk memastikan rancangan, kegiatan dan fungsinya berjalan lancar dan berkesan, *NCWO* memerlukan kewangan yang mencukupi. Sumber kewangan dalaman Majlis itu sendiri seperti yuran keahlian, jualan bahan-bahan penerbitan, sewaan dewan yang diterima dan sebagainya, amatlah kecil. Sebagai contoh, yuran tahunan minima yang dikenakan kepada ahli-ahli gabungan Majlis berkenaan hanyalah RM100.00 (bagi ahli gabungan *NCWO* peringkat nasional yang mempunyai lebih daripada tiga cawangan) dan RM50.00 sahaja (bagi ahli gabungan peringkat tempatan atau nasional yang mempunyai tiga atau kurang daripada tiga cawangan).²¹

Semenjak ditubuhkan lagi, kegiatan-kegiatan yang dianjurkan oleh *NCWO* amat bergantung kepada sumber biaya yang diperolehi daripada pihak-pihak lain seperti Kerajaan, sektor swasta, yayasan-yayasan, badan amal dan para dermawan. Selain Kerajaan, contoh pihak-pihak lain yang pernah membiaya kegiatan-kegiatan

NCWO sepanjang tahun 1990-an termasuklah Yayasan Kebajikan Negara, Badan Amal dan Kebajikan Tenaga Isteri-isteri Menteri dan Timbalan Menteri (BAKTI), Asia Foundation dan beberapa syarikat swasta tertentu.

Jadual 3.3

Penyata Pendapatan dan Perbelanjaan *NCWO* Bagi Tahun Perakaunan yang Berakhir Pada 31 Mac 2000

PENDAPATAN	RM
Bantuan Kerajaan	5,000.00
Bayaran Bank Dikembalikan	172.00
Bayaran Penggabungan	1,800.00
Diskaun Diterima	100.00
Faedah Atas Simpanan Tetap dan Akaun Simpanan	9,502.71
Jualan Buku – Fatimah Srikandi	400.00
Pendaftaran Persidangan <i>ACWO</i>	11,800.00
Sewaan Dewan	980.00
Sumbangan daripada Pihak-pihak Lain	328,981.59
Sumbangan untuk Hari Wanita	57,156.60
	<hr/>
	415,893.40
PERBELANJAAN	
Air dan Elektrik	2,969.01
Bayaran Bank	66.50
Audit dan Perhimpunan Akaun	1,100.00
Telefon	2,079.14
Cukai	500.00
Gaji dan KWSP untuk Pejabat <i>NCWO</i>	9,712.80
Pencetakan, Alatalis dan Setem	2,036.50
Cukai Tanah <i>NCWO</i>	22,865.00
Hari Wanita	42,782.60
Keraian	20,873.00
Membaiki Peralatan Pejabat	80.00
Membersih Kawasan	2,400.00
Projek <i>NCWO</i>	800.00
Perjalanan	4,690.11
Persidangan <i>ACWO</i>	416.92
Pusat Khidmat Pekerja Wanita	1,070.79
Runcit	1,245.99
Seminar/Bengkel Lain-lain	138,209.55
Susutnilai	19,904.60
	<hr/>
	273,802.51
Lebihan/(Kurangan) Pendapatan daripada Perbelanjaan	<hr/> <hr/>
	142,090.89

Sumber: Penyata Kewangan *NCWO*, 1 April 1999 – 31 Mac 2000.

Jadual 3.3 antara lain menunjukkan sumber-sumber pendapatan *NCWO* bagi tahun perakaunan yang berakhir pada 31 Mac 2000. Sebagaimana yang terdapat dalam jadual tersebut, dalam tahun 2000 berkenaan, selain bantuan tahunan sebanyak RM5,000.00, Kerajaan juga ada memberikan bantuan tambahan bagi menganjurkan projek-projek khas seperti sambutan Hari Wanita dan seminar-seminar/bengkel-bengkel. Dalam tahun-tahun tertentu pula, sejumlah besar biaya disumbangkan oleh Kerajaan kepada *NCWO* bagi menganjurkan projek-projek khas yang lain. Sebagai contoh, dalam tahun 1998, Kerajaan telah menyumbang sejumlah RM129,000.00 bagi menjayakan kempen kesedaran bahaya kanser payu dara peringkat nasional anjuran Majlis itu.²²

Menurut Fatimah Hamid Don (salah seorang pemimpin tertinggi *NCWO* yang telah lama berkecimpung dalam Majlis itu), secara amnya *NCWO* tidak berdepan dengan banyak masalah bagi mendapatkan bantuan-bantuan Kerajaan berkenaan. Asal sahaja sesuatu permohonan bagi mendapatkan bantuan kewangan itu disertai dengan kertas kerja cadangan projek yang lengkap dan jelas, umumnya permohonan itu akan diluluskan. Menurut beliau lagi, *NCWO* mempunyai ramai anggota yang berpengalaman dalam menyiapkan kertas-kertas kerja projek seumpama itu.

Antara faktor utama yang memudahkan *NCWO* menerima bantuan Kerajaan ialah wujudnya saluran komunikasi yang efektif antara badan itu dengan Kerajaan. Ini ditambah lagi dengan sikap yang positif dan kebolehan pemimpin-pemimpin *NCWO* untuk memanfaatkan secara optima saluran berkenaan. Ini tergambar melalui penglibatan Majlis itu yang tidak putus-putus dalam sesi-sesi dialog prabelanjawan anjuran Kerajaan yang diadakan setiap tahun. Dalam sesi-sesi dialog berkenaan dikemukakan memorandum yang mengandungi perkara-perkara tentang masalah-

masalah kemajuan wanita dan masyarakat serta cadangan peri perlu Kerajaan menyediakan peruntukan bagi mengatasi masalah berkaitan.

Antara tahun 1981-2000, sebanyak 20 memorandum *NCWO* telah dikemukakan kepada Kerajaan sewaktu sesi dialog prabelanjawan itu, mencakupi perkara-perkara seperti pekerjaan, kesihatan, pendidikan, kemiskinan, perumahan dan lain-lain lagi. Dengan penglibatan *NCWO* dalam sesi-sesi dialog itu, Kerajaan akan lebih mudah memahami isu dan masalah yang ditimbulkan di dalam kertas kerja cadangan projek yang dikemukakan bagi mendapatkan bantuan kewangan.

Selain wujudnya saluran komunikasi yang efektif dan adanya kebolehan pemimpin-pemimpin *NCWO* memanfaatkan saluran menerusi sesi-sesi dialog prabelanjawan, usaha-usaha melalui saluran lain juga membantu memudahkan *NCWO* mendapat bantuan kewangan daripada Kerajaan. Ini termasuklah penghantaran memorandum kepada kementerian-kementerian tertentu, penyertaan wakil-wakil *NCWO* dalam mesyuarat-mesyuarat anjuran Kerajaan seperti mesyuarat *National Advisory Council for the Integration of Women in Development (NACIWID)* dan penglibatan dalam penyelidikan-penyeleidikan anjuran Kerajaan mengenai isu-isu kemajuan wanita di negara ini.

Selain sumber-sumber yang diperolehi daripada Kerajaan melalui bantuan tahunan dan peruntukan yang diterima, khususnya daripada kementerian yang bertanggung jawab terhadap hal ehwal kemajuan wanita, sejumlah biaya yang besar juga diperolehi daripada pihak-pihak yang lain. Sebagai contoh, sebagaimana yang ditunjukkan dalam Jadual 3.3 sebelum ini, *NCWO* telah menerima sejumlah RM328,981.59 daripada sumber-sumber lain pada tahun perakaunan yang berakhir pada 31 Mac 2000 berkenaan. Secara amnya, kertas kerja cadangan projek juga dikemukakan bagi memperoleh biaya daripada pihak-pihak lain berkenaan (sektor

swasta, yayasan, badan amal, para dermawan dan lain-lain). Kesediaan pihak-pihak tersebut menyumbang sejumlah besar peruntukan bagi kegiatan-kegiatan *NCWO* sebahagian besarnya disebabkan adanya pengiktirafan dan kepercayaan bahawa Majlis itu telah dan berupaya menjalankan kegiatan-kegiatan yang mendatangkan manfaat kepada kemajuan wanita di negara ini.²³

Selain menunjukkan sumber-sumber pendapatan *NCWO*, Jadual 3.3 sebelum ini juga menerangkan perbelanjaan-perbelanjaan yang ditanggung Majlis itu dalam tahun perakaunan yang berakhir pada 31 Mac 2000 berkenaan. Sebahagian besar sumber yang diterima dibelanjakan untuk tujuan penganjuran seminar-seminar dan bengkel-bengkel (RM138,209.55) serta kegiatan-kegiatan penganjuran sambutan Hari Wanita (RM42,782.60). Jumlah perbelanjaan yang besar bagi penganjuran seminar, bengkel dan sambutan Hari Wanita berkenaan menunjukkan bahawa kedua-dua kegiatan tersebut merupakan kegiatan utama *NCWO*. Di penghujung kedua-dua jenis kegiatan inilah kebiasaannya isu dan masalah yang telah dikenal pasti dikemukakan kepada Kerajaan dalam bentuk sebuah dokumen, terutamanya memorandum.

Satu perkara lain yang perlu ditekankan dalam membincangkan sumber-sumber kewangan *NCWO* ialah sumbangan yang disalurkan oleh pihak *Canadian International Development Agency (CIDA)* melalui Suruhanjaya Tinggi Kanada di Malaysia.²⁴ Adalah menjadi dasar *CIDA* untuk menghulurkan bantuan kepada negara-negara membangun bagi mengatasi masalah kemiskinan dan juga “ketercinciran wanita”. Kegiatan *NCWO* bagi memajukan wanita di negara ini telah mendapat perhatian dan pengiktirafan pihak *CIDA*, yang sekaligus membolehkan *NCWO* terpilih menerima bantuan kewangan berkenaan. Perhatian dan pengiktirafan pihak *CIDA* terhadap *NCWO* itu tergambar dalam ucapan Mr. Manfred von Nostitz, Pesuruhjaya Tinggi Kanada, dalam majlis penandatanganan perjanjian antara *NCWO* dengan pihak

CIDA melalui Pesuruhjaya Tinggi Kanada di Malaysia. Antara lain, dalam ucapan itu beliau menyebut:

...The development of a project identification and selection mechanism is a challenge for the NCWO. But it is a challenge that I know the NCWO can meet. The NCWO and its affiliates, are reflective of Malaysia's truly unique multicultural heritage and of course this programme will endeavour to assume that these grassroots initiatives will at the same time complement the development activities of the government of Malaysia...²⁵

Daripada sedutan ucapan di atas, pengiktirafan pihak *CIDA* terhadap keupayaan *NCWO* tergambar pada sekurang-kurangnya tiga perkara. Perkara-perkara itu ialah kebolehan Majlis itu membangunkan mekanisme pengenalpastian dan pemilihan projek-projek bagi memajukan wanita, kerepresentatifan *NCWO* dalam mewakili warisan pelbagai budaya dan kemampuannya menjalankan aktiviti-aktiviti yang menjadi pelengkap kepada aktiviti-aktiviti pembangunan Kerajaan. Pengiktirafan pihak *CIDA* ini juga sekaligus menunjukkan *NCWO* telah berfungsi sebagai sebuah organisasi penting yang mewakili kepentingan wanita dari pelbagai latar belakang di negara ini.

Bantuan kewangan daripada *CIDA* tersebut untuk selama kira-kira lapan tahun telah menjadi sumber kewangan utama dalam menjalankan kegiatan-kegiatan *NCWO*. Jadual 3.4 menunjukkan beberapa aktiviti dan projek utama kendalian *NCWO*, biayaan *CIDA*, sepanjang tahun 1987 hingga 1995.

Jadual 3.4

**Beberapa Projek Utama NCWO yang Dibiaya oleh CIDA
(1987 hingga 1995)**

Tahun	Projek	Jumlah Pembiayaan (RM)
1987	Mempertingkatkan kemudahan sokongan	38,335.00
1988	<i>Training of Rape Crisis Councillors</i>	43,450.00
1989	<i>State Level Consultative Workshop on "National Policy on Women"</i>	38,108.00
1990	Kemajuan kesihatan masyarakat luar bandar (Persatuan Perancang Keluarga Kelantan)	30,441.00
1991	Penyelidikan "Wanita dalam Pembangunan: Satu Kajian Kes"	54,000.00
1992	Pengubahaan Klinik Wanita (Persatuan Perancang Keluarga Selangor dan Wilayah Persekutuan)	56,524.00
1993	<i>Asia-Pacific Regional Symposium</i>	13,800.00
1994	Latihan kakitangan projek	58,134.00
1995	Latihan kaunseling untuk <i>One-stop Crisis Centre for Abused Women</i> , Hospital Kuala Lumpur	25,800.00

Sumber: Kompilasi *Laporan Kegiatan-kegiatan dan Kejayaan NCWO, 1987-1995*.

Pada keseluruhannya, aktiviti-aktiviti yang dianjurkan oleh NCWO sebagaimana yang terdapat dalam Jadual 3.4 itu menggambarkan keseriusan Majlis berkenaan menangani isu-isu dan masalah-masalah wanita di negara ini. Ini kerana bukan sahaja bidang yang dipilih itu penting (seperti kesihatan, pendidikan, latihan, penyelidikan dan sebagainya) tetapi juga meliputi kepentingan wanita bandar dan luar bandar. Secara amnya, aktiviti-aktiviti dan projek-projek yang dibiayai oleh CIDA berkenaan lebih berbentuk meningkatkan sumber-sumber keupayaan NCWO yang sedia ada (*capacity building*), terutamanya dari segi pengurusan organisasi dan latihan kakitangan.

Selepas tahun 1995, biaya daripada pihak *CIDA* kepada *NCWO* tidak lagi dilanjutkan setelah Malaysia dianggap tidak lagi termasuk dalam kategori negara sedang membangun. Tidak bersambungnya biaya *CIDA* tersebut merupakan satu pemberhentian bantuan yang besar. Namun begitu, berkat adanya bantuan-bantuan lain, *NCWO* masih berupaya mengendalikan projek-projek utama yang menelan belanja besar. Ini kerana, dinilai dari segi potensi *NCWO* mendapatkan sumber biaya lain bagi mengendalikan kegiatan-kegiatannya, Majlis berkenaan tidak mempunyai masalah yang sulit bagi mengumpulkan dana untuk mengendalikan projek-projek seumpama itu.

Sebagai contoh, sebagaimana yang terdapat dalam pernyataan kewangan *NCWO* bagi tahun perakaunan yang berakhir pada 31 Mac 2000 (yang terdapat dalam Jadual 3.3 di awal tadi), sumber-sumber yang diterima daripada pihak-pihak lain masih tinggi, iaitu sebanyak RM328,981.59 (jumlah ini tidak termasuk bantuan tahunan Kerajaan dan bantuan tambahan Kerajaan yang diberi dari semasa ke semasa.) Kedudukan kewangan yang kukuh dan beberapa lagi faktor yang lain telah terus menjadikan *NCWO* sebuah institusi kemajuan wanita yang mempunyai pelbagai sumber untuk menjalankan kegiatan-kegiatan memajukan wanita di negara ini.

3.7 Jaringan Kerja (*Networking*)

Selain keupayaan mendapatkan sumber kewangan untuk menjalankan kegiatan-kegiatannya, satu lagi rahsia kejayaan *NCWO* ialah keupayaan menjalin jaringan kerja dengan badan-badan lain yang mempunyai matlamat dan minat yang sama, baik di dalam maupun di luar negeri. Secara amnya, terdapat dua bentuk jaringan kerja *NCWO* dengan badan-badan lain ini, iaitu yang diadakan secara berterusan dan juga yang diadakan mengikut keperluan semasa. Antara lain, tujuan menjalin jaringan

kerja itu ialah untuk meluaskan peranan dan kegiatan, berkongsi pengalaman dan mendapatkan sokongan yang lebih besar terhadap isu-isu kemajuan wanita yang diketengahkan.

Di dalam negeri, antara jaringan kerja berterusan yang utama ialah antara badan induk *NCWO* dengan ahli-ahli gabungannya dan Bahagian Hal Ehwal Wanita (HAWA) di kementerian yang bertanggung jawab mengenai hal ehwal wanita.²⁶ Dalam menganjurkan kegiatan-kegiatan tertentu seperti ‘Kempen Menentang Keganasan Ke Atas Wanita’, *NCWO* menjalin kerjasama dengan beberapa ahli gabungannya yang mempunyai pengalaman, kepakaran dan minat dalam isu berkenaan seperti *WAO*, *WCC*, *AWL* dan beberapa lagi yang lain. Kebiasaannya, melalui jaringan kerja ini, input-input yang diterima daripada ahli-ahli gabungan diselaraskan dan diperakukan oleh badan induk (*NCWO*) sebelum diterjemahkan dalam bentuk dokumen yang lebih konkret.

Sekurang-kurangnya terdapat dua signifikan jaringan kerja seumpama ini, iaitu pertama, membolehkan badan induk mendapatkan kepakaran dan pengalaman di samping aktivisme dan volunteerisme ahli gabungan yang memberikan tumpuan terhadap isu-isu tertentu seperti perundang-undangan, keganasan dan pendidikan. Kedua, ahli gabungan berkenaan pula sebaliknya dapat memanfaatkan pengaruh, kewibawaan dan kedudukan majlis yang berfungsi di peringkat kebangsaan itu untuk mengetengahkan isu-isu yang diperjuangkan dengan lebih lancar dan berkesan.

Kegiatan utama jaringan kerja *NCWO* dengan kementerian yang bertanggungjawab mengenai hal ehwal wanita pula lebih tertumpu kepada kegiatan perumusan isu dan masalah sebelum sesuatu polisi atau akta digubal oleh Kerajaan. Secara tradisinya, beberapa orang wakil *NCWO* akan dipilih menganggotai *NACIWID* untuk sama-sama merumuskan isu-isu dan masalah-masalah mengenai wanita dengan

pihak-pihak lain seperti institusi-institusi pengajian tinggi, sektor swasta, tokoh-tokoh tertentu dan wakil daripada Kerajaan sendiri. Sebagai contoh, antara pemimpin NCWO yang pernah lama menganggotai *NACIWID* termasuklah F.R. Bhupalan, Fatimah Hamid Don, Ramanis Gurusamy dan Sharifah Hapsah Syed Hasan Shahabuddin.

Di dalam negeri ini juga, dalam masa-masa tertentu jaringan kerja dijalankan dengan pihak-pihak seperti institusi-institusi pengajian tinggi, *NGO-NGO* lain (umpamanya *NGO* alam sekitar, kepenggunaan dan hak asasi manusia), penaja-penaja tertentu, sektor swasta dan badan-badan yang lain. Sebagai contoh, beberapa kegiatan seperti penyelidikan dan seminar pernah dianjurkan bersama dengan Konrad Adenauer Stiftung,²⁷ misalnya, seminar berjudul “*Socially Responsible and Caring Health Care in a Market Driven Environment*” pada 13-15 Oktober 1997, yang dirasmikan oleh Dato’ Chua Jui Meng, Menteri Kesihatan. Dengan adanya jaringan kerja dengan badan-badan lain seumpama ini, isu yang menjadi keprihatinan NCWO tidak semata-mata tertumpu kepada isu kemajuan wanita tetapi juga mencakupi isu-isu sosial yang lain seperti alam sekitar, kepenggunaan, kesihatan, keadilan sosial dan kesedaran politik.

Selain mengadakan jaringan kerja di peringkat dalam negeri, NCWO juga mengadakan jaringan kerja di peringkat antarabangsa seperti di peringkat PBB, Asia-Pasifik, *ASEAN* dan peringkat-peringkat yang lain. Di peringkat PBB misalnya, NCWO telah turut serta dalam semua Persidangan Wanita Sedunia yang pernah diadakan (di Mexico, 1975, Denmark, 1980, Kenya, 1985 dan China, 1995). Persidangan Wanita Sedunia itu kebiasaannya dipecahkan kepada dua bahagian, iaitu mesyuarat yang melibatkan wakil-wakil Kerajaan dan yang melibatkan wakil-wakil pihak lain termasuk *NGO*.

Sebagai contoh, dalam Persidangan Sedunia yang diadakan di Kenya dalam tahun 1985, dua orang pemimpin *NCWO* iaitu Ramani Gurusamy, Setiausaha Agung Kehormat (perwakilan rasmi *NCWO*) dan F.R. Bhupalan, Naib Presiden (pemerhati) telah turut serta dalam bahagian mesyuarat yang melibatkan *NGO* di persidangan berkenaan. Persidangan bertema “*UN End of the Decade for Women*” yang diadakan di Kenya berkenaan telah dihadiri oleh kira-kira 600 wakil *NGO* dari seluruh dunia. Daripada persidangan di Kenya itu, sebuah dokumen bertajuk “***Forward Looking Strategies for the Advancement of Women to the Year 2000***” dihasilkan, yang antara lain menuntut negara-negara anggota PBB mengambil tindakan-tindakan konkret yang khusus untuk memajukan wanita di negara masing-masing.²⁸

NCWO juga memainkan peranan yang penting di peringkat pelaksanaan, susulan daripada jaringan kerja di peringkat antarabangsa itu (persidangan-persidangan wanita sedunia PBB). Sebagai contoh, susulan daripada Persidangan Wanita Sedunia yang diadakan di Beijing, China dalam tahun 1995, *NCWO* telah menganjurkan *Post-Beijing Conference* dengan memanfaatkan dokumen ***Platform for Action*** yang terhasil daripada persidangan berkenaan. Antara lain daripada seminar itu, *NCWO* menggesa Kerajaan agar mengambil langkah-langkah segera bagi memastikan beberapa perkara utama yang terkandung dalam dokumen ***Platform for Action*** dititikberatkan dalam melaksanakan **Dasar Wanita Negara 1989**.

Di peringkat ASEAN pula, *NCWO* terlibat aktif dalam beberapa kegiatan yang dianjurkan oleh *ASEAN Confederation of Women's Organisation (ACWO)*, terutamanya dalam seminar-seminar dan penyelidikan-penyelidikan bagi membangunkan wanita ASEAN. *NCWO* sendiri telah dua kali menjadi tuan rumah dalam menganjurkan perhimpunan dwitahunan *ACWO*, iaitu dalam tahun 1986 di Kuala Lumpur dan dalam tahun 2000 di Kuching, Sarawak. Dalam perhimpunan yang

diadakan di Kuching, Sarawak pada 4-7 Mei 2000, satu seminar telah diadakan, bertema “*The New Millennium: ASEAN Women Taking Stock and Moving Forward*.

Dalam seminar itu, wakil *NCWO* (Dr. Sharifah Hapsah Syed Hasan Shahabuddin, Naib Presiden *NCWO*) telah membentangkan laporan mengenai *Global Knowledge II Women's Forum Action Plan: "Transcending the Gender Information Divide"*. Di penghujung perhimpunan berkenaan, satu deklarasi yang dikenali sebagai “***The ACWO 2000 Kuching Declaration***” telah dibuat bagi menunjukkan komitmen majlis-majlis kebangsaan pertubuhan-pertubuhan wanita di negara-negara *ASEAN* untuk mengimplimentasi dokumen *Beijing Platform for Action* dan semua deklarasi peringkat *ASEAN* dan PBB yang bertujuan memajukan wanita.

Antara isu-isu yang menjadi prioriti bagi memajukan wanita sebagaimana yang terdapat dalam deklarasi berkenaan ialah:²⁹

- (a) globalisasi dan pemerkasaan ekonomi wanita;
- (b) wanita, sains dan teknologi serta era maklumat baru;
- (c) kepimpinan wanita;
- (d) keselamatan manusia dan perlindungan sosial.

Selain mengadakan kerjasama dalam *ACWO*, di peringkat *ASEAN* itu juga *NCWO* turut berperanan dalam *ASEAN Committee on Women (ACW)*.³⁰ *ACW* dianggotai oleh wakil-wakil Kerajaan dan wakil-wakil majlis-majlis kebangsaan pertubuhan-pertubuhan wanita negara-negara *ASEAN*. Antara aktiviti-aktiviti utama badan itu semenjak ditubuhkan ialah menganjurkan seminar, bengkel, kursus latihan dan menjalankan beberapa projek lain. Ini termasuklah *ASEAN Clearing House on Women in Development*, *ASEAN Network on Vocational Training for Women* dan *ASEAN Network of Parents' Movement in Drug Abuse Prevention*. Beberapa projek

kecil yang lain pula termasuklah *Report on Legal Aid and Legal Literacy, Facts and Figures on ASEAN Women* dan *Network on Indicators and Statistics on Women*.

Dengan adanya penglibatan *NCWO* dan majlis-majlis kebangsaan pertubuhan-pertubuhan wanita *ASEAN* yang lain di dalam *ACW*, pelbagai input di peringkat *ASEAN* seperti ***The ACWO 2000 Kuching Declaration*** (yang dihasilkan dalam mesyuarat *ACWO*) yang dinyatakan di atas dapat dikembangkan setahap lagi. Ini kerana, ramai wakil majlis-majlis kebangsaan pertubuhan-pertubuhan wanita *ASEAN* yang terlibat dalam *ACWO* juga terlibat dalam proses perumusan dan penggubalan dasar mengenai kemajuan wanita yang dihasilkan oleh badan tertinggi mengenai wanita di peringkat *ASEAN* (iaitu *ACW*) itu.

Beberapa jaringan kerja dengan institusi lain yang dianggotai *NCWO* termasuklah *National Steering Committee on Women, Asia-Pacific NGO Working Group, Commission on the Status of Women* dan *International Council of Women*. Melalui jaringan kerja dengan institusi-institusi ini, isu-isu yang menjadi keprihatinan *NCWO* dikenalpasti untuk diketengahkan ke badan Kerajaan atau agensi tertinggi yang bertanggungjawab menangani isu dan masalah wanita bersama-sama *NGO* berkenaan.

Daripada perbincangan di atas, dapat dirumuskan bahawa keupayaan *NCWO* menjalin jaringan kerja dengan pelbagai pihak itu merupakan salah satu rahsia kejayaan Majlis berkenaan. Kejayaan yang terhasil daripada jaringan kerja ini juga menjadi pemangkin kepada kejayaan *NCWO* menjayakan lebih banyak aktiviti lain yang lebih besar. Rahsia kejayaan ini, di samping kepimpinan yang berwibawa, keanggotaan yang representatif dan sumber kewangan yang kukuh (yang dibincangkan dalam bahagian-bahagian sebelum ini) menjadikan peranan dan kegiatan *NCWO* semakin penting dalam membela kepentingan wanita di negara ini.

3.8 Aktiviti dan Pencapaian NCWO

Secara umum, dapat dikatakan bahawa semenjak 20 tahun yang lalu, perhatian Kerajaan, media dan sektor swasta terhadap masalah-masalah wanita semakin meningkat. Sungguhpun begitu, *NCWO* terus memegang peranan penggerak utama sejak Majlis itu mula ditubuhkan (1963) sehingga ke perhatian pihak-pihak di atas semakin meningkat sepanjang 20 tahun yang lalu itu. Dengan demikian, dapat dihujah bahawa *NCWO* merupakan sebuah badan yang telah mengambil inisiatif mencetuskan idea dan menggerakkan pelbagai aktiviti bagi memajukan wanita di negara ini. Perbincangan umum aktiviti dan pencapaian *NCWO* dalam bahagian ini terbahagi kepada dua tahap, iaitu antara tahun 1963 hingga 1980 dan antara tahun 1981 hingga 2000.³¹

3.7.1 Tahap 1: 1963 hingga 1980

Dalam tahap pertama sepanjang kira-kira 17 tahun kewujudannya, *NCWO* telah mencapai beberapa kejayaan signifikan berkat langkah-langkah yang diambil dan aktiviti-aktiviti yang dianjurkan. Pencapaian-pencapaian dalam tempoh tersebut dapat dikesan dalam perkara-perkara seperti perundang-undangan, penubuhan mekanisme pembangunan wanita, pendidikan kanak-kanak serta penganjuran sambutan Hari Wanita.

Antara pencapaian signifikan perundang-undangan yang berkaitan dengan wanita pada tahap itu ialah pindaan dan penggubalan beberapa akta dan dasar seperti Akta (Bantuan Sarahidup) Wanita Berkahwin dan Kanak-kanak 1968, Akta Pencen 1968, undang-undang membayar gaji sama kepada pekerja wanita (1969) dan Akta Membaharui Undang-undang (Perkahwinan dan Perceraian) 1976. Sebagai contoh, langkah-langkah yang membawa kepada tergubalnya undang-undang membayar gaji

sama kepada pekerja wanita dalam perkhidmatan awam telah dimulakan semenjak tahun 1964 lagi. Melalui penyelidikan, seminar, penyeliaan dan penyerahan memorandum, akhirnya wanita dalam perkhidmatan awam menerima tangga gaji yang sama dengan lelaki dalam tahun 1969 (dikuatkuasakan dalam tahun 1971).

Setelah undang-undang membayar gaji sama kepada pekerja wanita dan beberapa akta lain di atas tergubal atau dipinda, di penghujung tahun-tahun 1960-an, mulai tahun-tahun 1970-an pula *NCWO* telah menimbulkan isu peri perlunya disemak semula dan dipinda Undang-undang Perkahwinan dan Perceraian bagi Bukan Muslim. Syor-syor ini telah membawa kepada penggubalan Akta Membaharui Undang-undang (Perkahwinan dan Perceraian) dalam tahun 1976 dan penubuhan sebuah Suruhanjaya Diraja bagi mengkaji Undang-undang Perkahwinan dan Perceraian bagi Bukan Muslim.³²

Selain perkara perundang-undangan di atas, *NCWO* mendesak Kerajaan supaya menubuhkan satu mekanisme khusus bagi memajukan wanita. Bagi maksud ini, mulai tahun 1964, Majlis itu telah menggesa Kerajaan untuk menubuhkan sebuah Biro Wanita dalam Kementerian Buruh dan Tenaga Manusia, yang antara lain akan berfungsi mengelolakan isu-isu dan masalah-masalah wanita di negara ini. Bagi melicinkan fungsi Biro berkenaan, *NCWO* juga menyarankan agar ditubuhkan sebuah Lembaga Penasihat Kebangsaan untuk Biro tersebut, dengan anggotanya terdiri daripada wakil Kementerian-kementerian, kesatuan-kesatuan sekerja, *NCWO*, Universiti Malaya, *Chamber of Commerce* dan individu perseorangan. Seajar dengan pelbagai inisiatif *NCWO* semenjak tahun 1964 itu, Kerajaan telah menubuhkan satu badan penasihat hal ehwal wanita dalam tahun 1976, yang diberi nama *NACIWID*.³³

Selain perkara-perkara kemajuan wanita secara khusus, beberapa perkara berkaitan kepentingan kanak-kanak seperti pendidikan juga mendapat perhatian *NCWO*. Misalnya, melalui beberapa pertemuan dan sesi dialog yang diadakan dengan Kementerian Pelajaran (kini Kementerian Pendidikan), *NCWO* telah mengambil beberapa langkah pemberian tentang kurikulum dan kokurikulum yang terdapat dalam sistem pendidikan negara. Sebagai contoh, dalam pertemuan dan sesi dialog yang diadakan dengan Kementerian Pelajaran dalam tahun 1972, *NCWO* meminta Kerajaan supaya menilai beberapa perkara seperti mengkaji dan menyemak semula isi kandungan sukatan pelajaran bagi kedua-dua peringkat rendah dan menengah rendah memandangkan terdapat kadar keciciran yang tinggi, mewujudkan program imbuhan membaca di sekolah-sekolah dan menilai kesan amalan sekolah dua sesi.³⁴

Usaha *NCWO* untuk memantapkan lagi sistem pendidikan diteruskan dengan mengadakan perbincangan bersama-sama beberapa pihak tertentu seperti pendidik-pendidik kanan, kakitangan Kerajaan dan pakar-pakar pendidikan yang lain. Lanjutan daripada itu, dalam bulan September 1979, *NCWO* dalam pertemuannya dengan pihak Kementerian Pelajaran telah mengesyorkan beberapa perkara. Antaranya termasuklah peri perlu pengajaran Bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua, langkah-langkah segera yang perlu diambil bagi meningkatkan kemahiran 3M di kalangan kanak-kanak dan peri perlu sekolah-sekolah dua sesi kembali menjadi sekolah satu sesi.³⁵ Selain syor-syor yang diketengahkan melalui pertemuan-pertemuan dan dialog-dialog yang diadakan dengan Kementerian Pelajaran di atas, perkara-perkara mengenai pendidikan berkenaan sebahagian besarnya juga diulang sebut dalam sesi-sesi yang lain seperti dalam beberapa sesi dialog prabelanjawan yang diadakan oleh Kerajaan.

Selanjutnya, usaha-usaha juga diambil bagi memastikan hak kanak-kanak dijamin dalam negara dan masyarakat, khususnya selepas persidangan antarabangsa anjuran PBB dalam tahun 1977 yang diadakan sempena Tahun Antarabangsa Kanak-kanak. Susulan daripada persidangan itu, *NCWO* telah menganjurkan sebuah bengkel bagi membincangkan masalah dan hak kanak-kanak di negara ini. Di penghujung bengkel berkenaan, sebuah memorandum mengenai keperluan kanak-kanak dihasilkan.

Antara lain, memorandum tersebut mengandungi perkara-perkara seperti keperluan peruntukan undang-undang bagi menjamin perlindungan terhadap kanak-kanak, meningkatkan hukuman terhadap pesalah (kes yang melibatkan kanak-kanak) dan memberikan kuasa yang lebih besar kepada mahkamah bagi kes-kes kanak-kanak yang didera. Memorandum *NCWO* itu (yang terlampir bersama-samanya Piagam Kanak-kanak PBB) telah diserahkan kepada Perdana Menteri, Datuk Hussein Onn.³⁶ Berikutan dengan input daripada *NCWO* itu, Kerajaan mula mengambil langkah bagi menggubal dan meminda beberapa akta yang berkaitan dengan masalah dan hak kanak-kanak..³⁷

Selain kegiatan-kegiatan di atas, *NCWO* juga terlibat secara langsung dalam mengelolakan sambutan Hari Wanita di pelbagai peringkat di negara ini. Di peringkat kebangsaan misalnya, sambutan Hari Wanita diadakan pada setiap tahun semenjak tahun 1962 lagi. Selain terlibat dalam perarakan dan perbarisan, *NCWO* juga terlibat dalam beberapa kegiatan utama sempena perayaan tersebut seperti persidangan, seminar dan penyediaan serta penyerahan memorandum kepada Kerajaan. Dalam persidangan-persidangan dan seminar-seminar berkenaan, isu-isu semasa dan masalah-masalah yang dihadapi oleh wanita dibincangkan. Kebiasaannya, upacara

penyerahan memorandum *NCWO* kepada Kerajaan dilakukan semasa sambutan Hari Wanita diadakan.³⁸

Sempena sambutan Hari Wanita juga, kebiasaananya beberapa tokoh wanita yang cemerlang dan berjasa kepada wanita secara khusus dan masyarakat secara amnya dianugerahkan pelbagai pingat bagi menghargai sumbangan dan jasa tokoh-tokoh berkenaan. Sebagai contoh, mulai tahun 1974, *NCWO* telah memperkenalkan anugerah Pingat Emas Tun Fatimah dan mulai tahun berkenaan (dari semasa ke semasa dan mengikut kesesuaian) beberapa tokoh wanita telah dianugerahkan dengan pingat tersebut.³⁹

Selain sambutan-sambutan Hari Wanita peringkat kebangsaan yang diadakan semenjak tahun 1962 itu, satu sambutan Hari Wanita yang khusus juga telah dianjurkan oleh *NCWO* berikutan pengisytiharan Tahun Wanita Antarabangsa PBB dalam tahun 1975. Dalam sambutan khas pada tahun 1975 itu, *NCWO* antara lain telah menjemput pertubuhan-pertubuhan wanita di peringkat *ASEAN* untuk mengadakan kerjasama serantau bagi memajukan wanita. Daripada pertemuan itu, persetujuan telah dicapai untuk menubuhkan *ASEAN Sub-Committee on Women (ASCW)* dan *ASEAN Confederation of Women's Organisations (ACWO)*. Dengan penubuhan kedua-dua institusi di atas, aktiviti-aktiviti *NCWO* tidak lagi semata-mata berfokus di peringkat kebangsaan tetapi juga menjangkau peringkat yang lebih luas seperti rantau *ASEAN*. Persidangan Wanita Sedunia PBB Pertama yang diadakan dalam tahun 1975 dan penubuhan *ASCW* serta *ACWO* dan beberapa perkembangan lain telah memberikan impak terhadap tumpuan aktiviti dan program kelolaan *NCWO*, khasnya mulai tahun-tahun 1980-an.

3.8.2 Tahap 2: 1981 hingga 2000

Dalam tahap dua ini, sejajar dengan semakin meningkatnya kesedaran gender, bertambahnya bilangan wanita yang berpendidikan dan berkembangnya teknologi maklumat dan komunikasi (*ICT*), lebih banyak lagi isu dan masalah wanita diketengahkan oleh *NCWO*. Antara aspek-aspek kemajuan wanita terpenting yang diketengahkan termasuklah perundang-undangan, penggubalan dasar dan program mengenai wanita, keperluan pemantauan pelaksanaan dasar dan program dan kesedaran mengenai *ICT* di kalangan wanita.

Selain tumpuan terhadap perkara-perkara yang berkenaan, keprihatinan terhadap aspek perundang-undangan juga semakin mendapat perhatian pada tahap dua ini. Sebagai contoh, lanjutan daripada beberapa perkembangan kesedaran perundang-undangan di peringkat antarabangsa dan tempatan, dalam tahun 1985 *NCWO* telah menganjurkan satu bengkel kebangsaan bertajuk “*Legal Aspects Pertaining to the Status of Women*”. Dalam bengkel kebangsaan itu, pelbagai aspek perundang-undangan yang merugikan dan diskriminatif terhadap wanita telah dikenalpasti, ditimbulkan dan dibincang bersungguh-sungguh dalam usaha mengatasi ketidakadilan yang menyebabkan sebahagian wanita di negara ini teraniaya. Hasil perbincangan itu, tujuh resolusi dicapai di penghujung bengkel berkenaan. Resolusi-resolusi itu antara lainnya, berkaitan dengan perkara-perkara mengenai perkosaan, keganasan rumah tangga, pengambilalihan harta dan hak memperoleh harta bagi wanita, *guardianship and maintenance*, undang-undang pekerja dan undang-undang cukai pendapatan.

Selanjutnya, untuk memastikan langkah-langkah ke arah penggubalan dan pindaan undang-undang yang merugikan wanita dan diskriminatif di atas diambil, *NCWO* mengadakan kerjasama yang erat dengan Kerajaan, khususnya di peringkat perumusan akta-akta tersebut. Berikutnya dengan itu, beberapa tahun kemudian

Kerajaan memutuskan pindaan terhadap Undang-undang Rogol dan Pencabulan Terhadap Wanita dalam tahun 1989, penguatkuasaan Akta Keganasan Rumah Tangga dalam tahun 1996 dan selanjutnya mengadakan perbincangan secara serius dengan pelbagai pihak, terutamanya pemimpin-pemimpin *NCWO* mengenai sebahagian besar undang-undang diskriminatif yang disebut di atas, di penghujung tahun-tahun 1990-an.

Satu perkembangan perundang-undangan yang lain, khususnya mulai pertengahan tahun-tahun 1990-an ialah semakin meningkatnya kesedaran perundang-undangan yang melibatkan wanita dan keluarga Islam. Beberapa *NGO* gabungan *NCWO* dengan kerjasama *Sisters in Islam*, telah mengambil beberapa inisiatif bagi meningkatkan status dan menjaga kebajikan wanita di dalam keluarga melalui Undang-undang Keluarga Islam berkenaan (maklumat lanjut berkaitan Undang-Undang Keluarga Islam termuat dalam Apendik I). Inisiatif yang lebih serius tergambar pada sebuah persidangan kebangsaan anjuran *NCWO* dengan kerjasama *Sisters in Islam* berkenaan dalam tahun 1997 mengenai Undang-undang Keluarga Syariah.

Daripada seminar tersebut, sebuah memorandum menuntut penyelarasan dalam pelaksanaan Undang-undang Keluarga Syariah di setiap negeri telah dikemukakan kepada Jabatan Perdana Menteri dan beberapa lagi agensi Kerajaan yang berkaitan. Menjelang tahun 2000, Kerajaan telah mengambil beberapa langkah ke arah penyelarasan pelaksanaan Undang-undang Keluarga Islam di setiap negeri dengan mengenalpasti bentuk atau modul Undang-undang Keluarga Islam yang paling sesuai dan praktikal.

Seperkara lain yang patut dibincangkan di sini ialah peranan NCWO menggesa Kerajaan membuat komitmen meratifikasi konvensyen atau undang-undang antarabangsa yang berkaitan dengan wanita, misalnya *Convention on the Elimination of All Forms of Discrimination Against Women (CEDAW)*. CEDAW ialah satu dokumen undang-undang antarabangsa yang diisyiharkan oleh PBB dan mengandungi perkara-perkara seperti takrif sejagat diskriminasi ke atas wanita, bentuk-bentuk diskriminasi yang perlu dihapuskan dan langkah-langkah yang perlu diambil oleh negara-negara anggota bagi menghapuskan diskriminasi terhadap wanita.

NCWO telah mengambil langkah menggesa Kerajaan meratifikasi CEDAW berkenaan beberapa tahun selepas pengisytiharan (1979) dan penguatkuasaan (1981) CEDAW. Antara yang terpenting termasuklah mengadakan perbincangan dengan pakar di bidang undang-undang Islam tertentu bagi membincangkan beberapa perkara yang terkandung dalam CEDAW yang dapat ditafsirkan bertentangan dengan undang-undang Islam seperti larangan membenarkan wanita menduduki jawatan-jawatan awam, termasuk jawatan yang berkaitan dengan hal ehwal pentadbiran dan keluarga Islam. Beberapa langkah lain turut dilakukan, khasnya di awal tahun-tahun 1990-an, termasuk membincangkan bersama-sama pemimpin-pemimpin seperti Zaleha Ismail (Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat) tentang peri perlunya Kerajaan meratifikasi CEDAW berkenaan. Berikutan dengan gesaan-gesaan itu, dalam tahun 1994 Kerajaan telah meratifikasi CEDAW tersebut dengan beberapa reservasi (perbincangan terperinci mengenai perkara ini termuat dalam Bab 4 kajian ini).

Pada tahap dua ini, langkah-langkah juga dilakukan bagi memastikan suatu garis panduan rasmi untuk melibatkan wanita dalam pembangunan negara digubal. Antara lain, langkah tersebut bermula dengan beberapa sesi diskusi yang diikuti dengan satu seminar kebangsaan mengenai Dasar Wanita Negara (DWN) dalam tahun

1988, yang membawa kepada penggubalan dasar wanita berkenaan dalam bulan Disember 1989. Susulan daripada tergubalnya dasar itu, *NCWO* telah mengambil beberapa strategi bagi memastikan keberkesanan pelaksanaan dasar berkenaan.

Antara langkah dan strategi terpenting ialah menubuhkan beberapa suruhanjaya mengikut sektor-sektor yang terkandung dalam DWN dalam tahun 1990-an. Suruhanjaya-suruhanjaya itu telah, dari satu peringkat ke satu peringkat, dikemaskini dan dikembangkan sehingga difikirkan dapat menampung pelaksanaan DWN dengan lebih berkesan. Antara beberapa suruhanjaya yang utama itu ialah Suruhanjaya Ekonomi, Undang-undang, Kesihatan, Politik, Media dan Kemiskinan.

DWN telah dikemas kini sejurus selepas Persidangan Wanita Sedunia Keempat yang diadakan di Beijing, China dalam tahun 1995. Lanjutan daripada persidangan itu, *NCWO* telah menganjurkan Persidangan Pasca-Beijing peringkat kebangsaan dalam tahun 1996, yang antara lainnya untuk mengenalpasti bidang-bidang berkaitan kemajuan wanita di Malaysia yang dicakupi dalam *Beijing Platform for Action* (dokumen utama yang terhasil daripada Persidangan Wanita Sedunia Keempat itu).

Dalam persidangan tersebut, *NCWO* antara lain telah meminta Kerajaan meninjau kembali pelaksanaan DWN agar selaras dengan bidang-bidang tertentu yang terkandung dalam dokumen *Beijing Platform for Action*. Berikutan dengan itu, Kerajaan telah menghasilkan dokumen **Pelan Tindakan Pembangunan Wanita** dalam tahun 1996 (dikemaskini dalam tahun 1997).

Selain terlibat dalam penggubalan dokumen DWN dan **Pelan Tindakan Pembangunan Wanita**, *NCWO* juga terlibat dalam proses penggubalan dasar dan program melalui saluran-saluran lain, misalnya melalui sesi-sesi dialog prabelanjawan anjuran Kerajaan yang diadakan setiap tahun. Mulai tahun-tahun 1980-an, *NCWO* terlibat secara konsisten bagi mengetengahkan beberapa isu dan masalah kemajuan

wanita dan kanak-kanak seperti ekonomi, pendidikan dan kesihatan dalam sesi-sesi dialog prabelanjawan berkenaan.

Sebagai contoh, perkara-perkara mengenai ekonomi yang diketengahkan dalam sesi-sesi dialog prabelanjawan berkenaan termasuklah masalah pekerjaan, kemudahan kredit untuk wanita dan golongan berpendapatan rendah, wanita, kemiskinan dan keperluan menabung serta aspek-aspek perekonomian berkaitan dengan wanita yang lain. Daripada input-input *NCWO* mengenai keperluan wanita yang dikemukakan dalam sesi-sesi dialog prabelanjawan berkenaan, Kerajaan telah memperuntukkan sejumlah besar wang untuk pembangunan wanita dalam belanjawan negara.

NCWO tidak sekadar memastikan langkah-langkah diambil bagi menggubal dan meminda akta-akta dan dasar-dasar yang dibincangkan di atas. Majlis itu juga telah mengambil langkah bagi memastikan proses pemantauan yang berterusan diambil untuk menjamin hak-hak wanita terbela dan perlindungan yang sewajarnya diberikan kepada mereka. Secara yang lebih konkret, dalam tahun 1998, sebuah badan yang dikenali sebagai *Women Watch* telah dibentuk oleh *NCWO*. Fungsi-fungsi utama *Women Watch* ialah memantau akta-akta dan dasar-dasar yang melibatkan wanita, mengadakan kerjasama dengan agensi-agensi Kerajaan dan badan-badan yang lain serta menyediakan saluran bagi masyarakat, khususnya wanita untuk membuat aduan dan mengemukakan pandangan tentang isu-isu dan masalah-masalah wanita.

Seiring dengan perkembangan *ICT*, *NCWO* juga menganjurkan beberapa aktiviti bagi meningkatkan kesedaran wanita terhadap kepentingan teknologi berkenaan. Bagi maksud itu, Suruhanjaya Sains dan Teknologi *NCWO* telah dipertanggungjawabkan untuk menjalankan pelbagai program dan projek dengan kerjasama beberapa pihak seperti mengadakan kursus, latihan, bengkel, forum dan

seumpamanya. Sebagai contoh, sebuah projek yang dikenali sebagai “Rangkaian Wanita” telah dikendalikan oleh *NCWO* dalam tahun 2000, yang bertujuan meningkatkan kesedaran wanita terhadap pelbagai kegunaan *ICT*.

Selain projek di atas, *NCWO* telah menganjurkan Forum Wanita *Global Knowledge II (GK II)* ketika Persidangan *GK II* diadakan di Kuala Lumpur pada 7-10 Mac 2000. Daripada forum berkenaan, sebuah pelan tindakan dihasilkan bagi memberi garis panduan tentang tindakan-tindakan untuk membantu mengimbangi jurang perbezaan peluang memperoleh pengetahuan antara lelaki dengan wanita melalui *ICT* dan sekaligus membolehkan wanita mendapat akses kepada pelbagai maklumat.

Daripada perbincangan-perbincangan mengenai aktiviti dan pencapaian *NCWO* dalam Tahap 1 dan Tahap 2 di atas, dapat dirumuskan bahawa aktiviti-aktiviti utama *NCWO* lebih tertumpu kepada mengidentifikasi isu-isu dan masalah-masalah wanita untuk ditimbulkan dalam forum-forum tertentu. Selanjutnya, *NCWO* juga terlibat mengetengahkan isu-isu dan masalah-masalah berkenaan dan seterusnya menyumbang dalam merumuskannya bersama-sama dengan Kerajaan. Secara amnya, sebahagian besar isu-isu yang diidentifikasi dan diketengahkan *NCWO* mendapat perhatian Kerajaan, khususnya melalui penggubalan dan pindaan beberapa akta serta penggubalan dasar, program dan perancangan mengenai kemajuan wanita di negara ini.

3.9 Kesimpulan

Sepanjang perbincangan bab tiga ini, beberapa perkara utama mengenai latar belakang, profil dan signifikan *NCWO* telah diuraikan. Perkara-perkara itu ialah penubuhan, signifikan dan implikasi, kepimpinan, keanggotaan, kewangan, jaringan kerja serta aktiviti dan pencapaian *NCWO* secara umum.

Latar belakang penubuhan *NCWO* bermula dengan usaha-usaha yang dilakukan pemimpin tertinggi *Young Women's Christian Organization (YWCA)*, khususnya F.R. Bhupalan, terutamanya di peringkat *pro-tem committee* Majlis berkenaan. Inisiatif di peringkat awal ini telah berkembang dengan penglibatan beberapa orang pemimpin Kaum Ibu seperti Fatimah Hashim. Berikutan langkah-langkah dan kerjasama antara pemimpin-pemimpin wanita dalam menganjurkan sambutan Hari Wanita pertama (1962), usaha telah diambil untuk menubuhkan *NCWO* secara rasmi dan usaha ini telah berjaya pada 25 Ogos 1963.

Selain itu, dapat disimpulkan juga bahawa antara perkara terpenting signifikan dan implikasi penubuhan *NCWO* itu ialah semakin terfokus dan terancangnya aktiviti-aktiviti yang dianjurkan. Dengan tertubuhnya ‘organisasi payung’ yang menjadi badan induk kepada pertubuhan-pertubuhan wanita di Malaysia, suara-suara wanita semakin dapat disatukan. Sejajar dengan penubuhan *NCWO* itu, pertubuhan-pertubuhan wanita yang bergabung di bawahnya juga mendapat khidmat nasihat dan rundingan bagi memperbaiki dan melicinkan kegiatan-kegiatan yang dianjurkan.

Daripada perbincangan mengenai kepimpinan *NCWO* pula, dapat disimpulkan bahawa dengan terpilihnya Presiden *NCWO* dari kalangan wanita parti-parti politik pemerintah yang memegang atau pernah memegang jawatan bertaraf menteri, saluran-saluran bagi mengetengah isu-isu wanita semakin menjadi luas dan mudah. Pemilihan Naib Presiden *NCWO* mengikut ‘kuota etnik’ secara *consencus* (walaupun tidak

termaktub dalam Perlembagaan Majlis itu) pula telah menjadikan *NCWO* lebih representatif. Kepimpinan *NCWO* semakin mantap dengan terpilihnya individu-individu yang pakar dalam bidang-bidang tertentu ke jawatan-jawatan tertinggi dalam Majlis berkenaan.

Seterusnya, dapat disimpulkan juga bahawa keanggotaan *NCWO* yang rentas politik, rentas etnik dan rentas budaya telah menjadikan Majlis itu saluran yang mewakili kepentingan wanita dari pelbagai latar belakang. Ini sekaligus membolehkan isu-isu yang diketengahkan mudah mendapat perhatian Kerajaan dan masyarakat. Lebih-lebih lagi, Majlis itu juga dianggotai pertubuhan-pertubuhan wanita profesional yang boleh menyumbang kepakaran mereka bagi memastikan isu-isu yang diketengahkan lebih konkret dan berautoriti.

Mengenai aspek kewangan pula, dapat disimpulkan bahawa dengan adanya bantuan kewangan daripada pelbagai pihak, sama ada di dalam negeri maupun luar negeri, kegiatan-kegiatan *NCWO* semakin dapat ditingkatkan dari sepenggal ke sepenggal. Melalui bantuan-bantuan berkenaanlah kegiatan-kegiatan utama Majlis itu seperti seminar, bengkel, penyelidikan dan penerbitan dapat dianjurkan secara meluas. Bantuan-bantuan berkenaan juga sekaligus menunjukkan adanya pengiktirafan pelbagai pihak terhadap kegiatan-kegiatan anjuran *NCWO*.

Perbincangan jaringan kerja dalam bab ini pula memperlihatkan bahawa isu-isu yang diketengahkan oleh *NCWO* juga mendapat perhatian pihak-pihak yang lain seperti Kerajaan dan badan-badan penaja. Jaringan kerja dengan pertubuhan-pertubuhan wanita di pelbagai peringkat seperti *ASEAN*, Asia-Pasifik dan PBB menunjukkan bahawa isu-isu yang diketengahkan oleh *NCWO* juga rentas negara dan wilayah.

Akhirnya, dapat disimpulkan bahawa perbincangan ringkas mengenai aktiviti dan pencapaian *NCWO* dalam bab ini menggambarkan Majlis itu bukan sahaja telah mengambil langkah mengetengahkan isu-isu bagi meningkatkan status wanita bahkan pengetengahan isu-isu berkenaan dilakukan dengan penuh konsisten dan *committed*. Ini tergambar melalui pelbagai kegiatan di peringkat pengidentifikasi sian isu seperti penyelidikan, pengetengahan isu seperti seminar dan penyerahan memorandum serta perumusan isu dengan menghantar wakil-wakil yang pakar dan berpengalaman mengenai sesuatu bidang menganggotai jawatankuasa-jawatankuasa penggubalan sesuatu dasar dan akta yang dianjurkan oleh Kerajaan. Penjelasan terperinci tentang tiap-tiap satu peranan (pengidentifikasi sian, pengetengahan dan perumusan isu) yang dilakukan oleh *NCWO* bagi memajukan wanita di negara ini terkandung dalam bab-bab seterusnya, iaitu Bab 4, 5 dan 6.

¹ Sehingga Disember 2000, dianggarkan terdapat kira-kira 250 NGO wanita di negara ini. Daripada jumlah itu, 177 berdaftar di Jabatan Pendaftaran Pertubuhan, manakala beberapa lagi pula di Jabatan Pendaftaran Perniagaan. Daripada kesemua pertubuhan itu, 140 daripadanya didapati aktif dengan menganjurkan kegiatan secara konsisten. Sehingga tahun 2000 itu, 90 daripada 140 pertubuhan yang aktif itu (kira-kira dua pertiga) menyertai NCWO.

² Ketiga-tiga istilah ini disebut secara eksplisit dalam Artikel 2 (d) Perlembagaan NCWO.

³ Dokumen tanpa tarikh YWCA, bertajuk "The Young Women's Christian Association of Malaysia: A Brief History".

⁴ Virginia H. Dancz (1987). *Women and Party Politics in Peninsular Malaysia*. Singapura: Oxford University Press.

⁵ Senarai penuh pertubuhan-pertubuhan yang menganggotai Jawatankuasa Sambutan Hari Wanita Pertama berkenaan ialah: (i) Dewan Muslimat (PMIP); (ii) Wanita Rakyat (PSRM); (iii) Wanita MIC; (iv) Wanita MCA; (v) Kaum Ibu UMNO; (vi) NAWIM; (vii) Women Police; (viii) Malayan Trained Nurses Association; (ix) YWCA; (x) Lai Chee Women's Association; (xi) Indian Association (Women's Section); (xii) Young Women's Indian Association; (xiii) Women's International Club; (xiv) Women Teachers' Union; (xv) PPSEAWA; dan (xvi) St. John's Ambulance Brigade.

⁶ Mengikut Perkara 7 Perlembagaan NCWO, jumlah ahli-ahli yang terpilih secara automatik didasarkan kepada jumlah cawangan dan negeri (pertubuhan-pertubuhan yang menjadi anggota NCWO) seperti berikut:

- (a) Pertubuhan-pertubuhan Kebangsaan yang mempunyai cawangan sekurang-kurangnya dalam 3 buah negeri akan mempunyai 15 orang wakil dengan hak-hak mengundi;
- (b) Pertubuhan-pertubuhan Kebangsaan yang mempunyai cawangan dalam kurang daripada 3 buah negeri akan mempunyai 7 orang wakil dengan hak-hak mengundi; dan
- (c) Pertubuhan-pertubuhan tempatan mempunyai 4 orang wakil dengan hak-hak mengundi.

⁷ Walaupun badan ini telah secara rasmi dilancarkan pada 25 Ogos 1963, pendaftarannya secara sah di Jabatan Pendaftaran Pertubuhan ialah pada 29 Januari 1964.

⁸ Sebahagian daripada Artikel 3, Perlembagaan NCWO.

⁹ Perbualan dengan Profesor Emeritus Datuk Dr. Nik Safiah Karim di pejabat penyelidik di Fakulti Ekonomi dan Pentadbiran, Universiti Malaya, Kuala Lumpur pada 23 Januari 2002.

¹⁰ Pemilihan tokoh-tokoh wanita daripada sayap wanita parti-parti politik dianggap akan menjadikan Majlis itu bersifat kepartian dan cenderung kepada perkauman. Ini dianggap akan menjelaskan usaha-usaha meningkatkan status dan menjaga kebijakan wanita secara menyeluruh.

¹¹ Menurut F.R. Bhupalan, dalam pemilihan ahli-ahli jawatankuasa tertinggi NCWO Sesi Kedua itu, Kamsiah Ibrahim telah menarik diri daripada dicalonkan sebagai Presiden. Antara lain, beliau ingin menumpukan perhatian kepada kerja-kerja sosial dan pembangunan masyarakat melalui NGO wanita pimpinannya, iaitu WI. Sungguhpun begitu, beliau bersedia untuk memegang jawatan itu pada Penggal Kedua Majlis berkenaan.

¹² Jawatan-jawatan Naib Presiden itu telah ditukar nama kepada Timbalan Presiden, mulai Penggal Ke-17 (1998-2000). Dalam penstrukturkan semula berkenaan, lima jawatan Naib Presiden yang baharu (mengikut lima zon) diwujudkan. Zon-zon itu ialah Zon Tengah, Selatan, Utara, Pantai Timur Semenanjung serta Zon Sabah dan Sarawak (maklumat lanjut mengenai organisasi kepimpinan NCWO yang baharu – Penggal Ke-18, 2000-2002 – termuat dalam Rajah 3.2, Apendiks C).

¹³ Temu bual dengan Puan Sri Datuk Dr. Fatimah Hamid Don pada 23 Julai 2003, jam 10.00 pagi, di kediamannya di Petaling Jaya. Beliau ada menambah mengenai perhatian serius yang sering diulang-ulang oleh F.R. Bhupalan mengenai perkara ini.

¹⁴ Berita Harian. 20 Ogos 1963.

¹⁵ Istilah-istilah lain yang juga digunakan bagi merujuk kepada 'anak haram' (*illegitimate child*) ialah anak ketaksaharan, anak luar nikah dan anak di luar perkahwinan. Dalam tulisan-tulisan mengenai isu ini, istilah 'anak-anak yang lain' telah digunakan secara meluas bagi merujuk kepada anak-anak yang lahir hasil daripada perkahwinan yang sah. Sungguhpun begitu, pemimpin-pemimpin NCWO seperti Fatimah Hamid Don dan aktivis-aktivis wanita yang lain seperti Nik Safiah Karim lebih menyetujui istilah anak ketaksaharan bagi merujuk kepada istilah *illegitimate child* itu.

¹⁶ Surat Wanita UMNO kepada NCWO, bil. 3.03.3.PT.IV/9, bertarikh 12 Disember 1983. Maklumat lanjut terkandung dalam Apendiks D.

¹⁷ Temu bual dengan Puan Sri Datuk Dr. Fatimah Hamid Don (Julai 2003).

¹⁸ Temu bual dengan Ramani Gurusamy (Ogos 2002) dan Puan Sri Datuk Dr. Fatimah Hamid Don (Julai 2003).

¹⁹ Menurut F.R. Bhupalan dan Ramani Gurusamy, walaupun ada cadangan agar ‘sayap wanita’ *MIC* juga menarik diri daripada terus menganggotai *NCWO* namun memandangkan kaum wanita India mendapat banyak faedah daripada kegiatan-kegiatan *NCWO* ini, cadangan berkenaan tidak mendapat pertimbangan di kalangan pemimpin-pemimpin wanita *MIC*. Pendapat bahawa wanita kaum India mendapat banyak faedah daripada *NCWO* ini telah dikemukakan oleh beberapa orang pemimpin *NCWO* yang berketurunan India (termasuk F.R. Bhupalan dan Ramani Gurusamy sendiri) kepada pemimpin-pemimpin wanita *MIC* termasuk pemimpin-pemimpin tertinggi parti itu.

²⁰ Dalam Direktori Pertubuhan-pertubuhan Wanita yang disediakan oleh HAWA lanjutan daripada Mesyuarat *ASEAN Women’s Programme* yang diadakan dalam bulan November 1981, HAWA telah membahagikan pertubuhan-pertubuhan wanita kepada sembilan kategori, iaitu pertubuhan bekas pelajar, kebajikan, politik, profesional, sosial, sukan, agama, wanita universiti dan pertubuhan wanita/agensi kerajaan. Dengan memanfaatkan pengkategorian-pengkategorian tersebut, pertubuhan-pertubuhan bukan politik yang menganggotai *NCWO* bolehlah diringkaskan pembahagiannya kepada empat kategori di atas (kebajikan, agama, profesional dan lain-lain).

²¹ Artikel 5, Perlembagaan *NCWO*.

²² Penyata Kewangan *NCWO*, 1 April 1998 – 31 Mac 1999 (Kertas Bil.IIIa) dan temu bual dengan Puan Ramani Gurusamy (November 2003).

²³ *Ibid.*

²⁴ Sumber biaya daripada *CIDA* berkenaan telah diperolehi semenjak tahun 1985 lagi. Mulai tahun 1987, melalui satu perjanjian yang ditandatangani antara *NCWO* dengan Pesuruhjaya Tinggi Kanada pada 20 Oktober tahun itu, Majlis berkenaan mula menerima peruntukan sebanyak Dolar Kanada 100,000.00 (kira-kira RM 193,000.00 mengikut kadar pertukaran wang pada ketika itu). Dalam perjanjian antara *NCWO* dengan Pesuruhjaya Tinggi Kanada berkenaan, persetujuan telah dicapai untuk menubuhkan tabung “*Women in Development for Local Initiatives*”. Penubuhan tabung berkenaan adalah selaras dengan satu resolusi yang dihasilkan di *United Nations End of the Decade for Women’s World Conference*, yang diadakan di Nairobi, Kenya pada 15-26 Julai 1985, iaitu sebahagian daripada bantuan pembangunan disasarkan khas untuk manfaat wanita.

²⁵ Petikan ucapan yang Mr. Manfred von Nostitz, Pesuruhjaya Tinggi Kanada di Malaysia dalam Majlis penandatanganan perjanjian antara *NCWO* dengan pihak *CIDA* pada 20 Oktober 1987 yang termuat dalam *NCWO* (1993). *Laporan Kegiatan-kegiatan dan Kejayaan, 1991-1993*. Kuala Lumpur: Majlis Kebangsaan Pertubuhan-pertubuhan Wanita Malaysia (*NCWO*). Hlm. 61.

²⁶ Bahagian Hal Ehwal Wanita (HAWA) pernah diletakkan di bawah beberapa kementerian dan jabatan seperti Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Jabatan Perdana Menteri dan Kementerian Pembangunan Wanita dan Keluarga.

²⁷ *Konrad Adenauer Stiftung* ialah sebuah yayasan yang telah ditubuhkan di Jerman dalam tahun 1956. Nama badan itu telah ditukar daripada *Society for Christian Democratic Education Work* kepada *Konrad Adenauer Stiftung* dalam tahun 1964 (mengambil nama Canselor Republik Persekutuan Jerman yang pertama). Yayasan itu menawarkan pelbagai program seperti pendidikan politik, pemberian biasiswa kepada individu-individu yang cemerlang dan kerjasama dengan pelbagai pihak bagi menjalankan seminar dan persidangan yang bertujuan meningkatkan persefahaman sejagat.

²⁸ Daripada dokumen itu, Kerajaan Malaysia telah menerima sepenuhnya tujuh perkara yang melibatkan kemajuan wanita di negara ini. Perkara-perkara itu adalah: (i) perkongsian kuasa dan pembuatan keputusan; (ii) mekanisme bagi memajukan wanita; (iii) pengiktirafan terhadap hak-hak wanita di peringkat tempatan dan antarabangsa; (iv) pembasmian kemiskinan; (v) keterlibatan wanita di pelbagai peringkat ekonomi; (vi) keterlibatan wanita dalam pendidikan, kesihatan, pekerjaan dan lain-lain; (vii) keganasan ke atas wanita.

²⁹ Report of the 9th ACWO General Assembly and Conference, 4-7 May 2000, Kuching, Sarawak.

³⁰ Latar belakang penubuhan *ACW* itu sendiri bermula dengan cadangan yang dikemukakan oleh *NCWO Malaysia* untuk menubuhkan sebuah bahagian khas mengenai hal ehwal wanita di peringkat ASEAN dalam bulan April 1975. Berikutan cadangan itu, *Sub-Committee on Women (SCW)* telah ditubuhkan di bawah *Committee on Social Development* hasil keputusan yang dibuat di mesyuarat *ASEAN Standing Committee* yang diadakan dalam bulan Jun 1975 di Manila, Filipina. *SCW* telah ditukar nama kepada *ASEAN Women’s Programme* dalam tahun 1981, kepada *ASEAN Sub-Committee on Women* dalam tahun 1997 dan kemudiannya pula kepada *ACW* dalam tahun 2001.

³¹ Analisis terperinci aktiviti-aktiviti dan pencapaian *NCWO* terhadap beberapa aspek kemajuan wanita utama di Malaysia sepanjang 37 tahun kewujudannya termuat dalam Bab 4, 5 dan 6 kajian ini.

³² Dengan tergubalnya Akta Membaharui Undang-undang (Perkahwinan dan Perceraian) 1976 dan lengkapnya kajian oleh Suruhanjaya Diraja bagi Undang-undang Perkahwinan dan Perceraian bagi Bukan Muslim itu, pada 1 Mac 1981, akta berkenaan mula berkuatkuasa.

³³ Walaupun Biro Wanita seperti yang dicadangkan oleh NCWO tidak diwujudkan, beberapa fungsi Biro berkenaan yang dicadangkan oleh Majlis tersebut telah dipindahkan kepada NACIWID dan selanjutnya diperkuuhkan dengan penubuhan Bahagian Hal Ehwal Wanita (HAWA) dalam tahun 1983, sebagai Urusetia Kerajaan mengenai Wanita dalam Pembangunan di Jabatan Perdana Menteri. Penubuhan Kementerian Pembangunan Wanita dan Keluarga dalam tahun 2001 dari satu segi dapatlah disifatkan bermula dengan cadangan penubuhan Biro Wanita oleh NCWO semenjak tahun 1964 itu.

³⁴ NCWO (1993). *Op.cit.* Hlm. 25.

³⁵ *Ibid.*

³⁶ NCWO (1985). *Laporan Kegiatan-kegiatan dan Kejayaan, 1983-1985.* Kuala Lumpur: Majlis Kebangsaan Pertubuhan-pertubuhan Wanita Malaysia (NCWO). Hlm. 12, 13 dan 41.

³⁷ Pada tahun 1990, Akta Perlindungan Kanak-kanak telah digubal. Akta ini kemudiannya digantikan pula oleh Akta Kanak-kanak yang berkuatkuasa pada 1 Mac 2001. Akta ini membatalkan Akta Mahkamah Juvana 1947 dan Akta Perlindungan Wanita dan Kanak-kanak 1991.

³⁸ Sehingga tahun 1990, penganjuran sambutan Hari Wanita peringkat kebangsaan dipertanggungjawabkan kepada NCWO. Mulai tahun 1991, penganjuran sambutan Hari Wanita telah dikendalikan oleh menteri yang bertanggung jawab terhadap hal ehwal wanita di negara ini. Namun begitu, kerjasama NCWO terus diminta bagi menjayakan perayaan berkenaan.

³⁹ Sempena sambutan Hari Wanita tahun 1974 itu, seramai enam orang tokoh wanita telah dianugerahkan Pingat Emas Tun Fatimah berkenaan. Mereka ialah YMM Tunku Puan Besar Kurshiah Almarhum Tengku Besar Burhanuddin, Tun Sharifah Rodziah bte Syed Ali Barakkah, Goh Kwee Teng, Hajah Zainun bte Munshi Sulaiman (Ibu Zain), E.M. Ramachandran dan B.H. Oon. Selanjutnya, mulai tahun 1989, diperkenalkan pula Anugerah Wanita Cemerlang Avon-Tan Sri Fatimah bagi menghargai tokoh-tokoh wanita yang telah memberi sumbangan yang besar dan berjasa kepada negara serta cemerlang dalam bidang masing-masing. Nama ‘Tun Fatimah’ bagi Pingat Emas Tun Fatimah mengambil sempena nama seorang wanita yang hidup pada zaman Kesultanan Melayu Melaka – anakanda kepada Bendahara Seri Maharaja dan isteri kepada Tun Ali, manakala nama ‘Tan Sri Fatimah’ bagi Anugerah Wanita Cemerlang Avon-Tan Sri Fatimah pula mengambil sempena nama Fatimah Hashim, Presiden NCWO yang bersara dalam tahun 1989 itu. Maklumat lanjut tentang tokoh-tokoh yang pernah menerima kedua-dua pingat dan anugerah ini terdapat dalam Apendiks G dan H.